



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 20 MAC 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 65)

(SOALAN NO.2 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.55)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH : 20.3.2017

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar tamat darjah 6 tidak meneruskan pelajaran ke peringkat sekolah menengah dan berapakah jumlah pelajar tidak menamatkan pelajaran tingkatan 5 sejak 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar transisi murid dari sekolah rendah ke tingkatan 1 bagi tahun 2013 hingga 2016 menunjukkan kadar diantara 98 peratus hingga 99 peratus. Peratus murid tamat persekolahan peringkat menengah juga berada pada tahap diantara 85 peratus hingga 90 peratus pada tahun 2013 hingga 2016.

Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi meningkatkan enrolmen dan mengekalkan murid sehingga tamat persekolahan pada peringkat menengah atas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

TARIKH : 20.3.2017

SOALAN : NO. 10

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) butiran terperinci peruntukan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan kepada setiap universiti awam di negara ini mengikut tahun dari 2013 sehingga Februari 2016; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil ke atas universiti awam atau swasta yang menawarkan kursus yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan atau badan induk yang mengawal selia profesion yang berkaitan dengan kursus tersebut, contohnya USIM yang menawarkan kursus undang undang yang tidak diiktiraf oleh Majlis Peguam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan mengurus yang disalurkan kepada Universiti Awam (UA) mulai tahun 2013 hingga 2016 adalah sebanyak RM32.1 bilion manakala jumlah peruntukan pembangunan yang disalurkan kepada UA bagi tempoh yang sama adalah RM9.04 bilion.
- (b) Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mendapat kelulusan penawaran program daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2004, pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

dan akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada tahun 2010.

Justeru, graduan Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dari USIM adalah setaraf dengan graduan bagi program lain serta boleh menjawat jawatan sebagai peguam di sektor awam dan swasta setelah lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menubuhkan Majlis Dekan Undang-Undang UA bertujuan untuk membincangkan isu berhubung program undang-undang termasuk isu pengiktirafan dan isu akademik lain yang melibatkan UA.

Manakala di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula, mereka tertakluk kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) yang melibatkan permohonan penubuhan, pendaftaran, pengurusan institusi, pengendalian kursus, permit mengajar dan penutupan.

KPT melaksanakan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan kursus yang ditawarkan adalah kursus yang telah mendapat kelulusan KPT dan diiktiraf oleh badan-badan profesional.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2017

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak KWSP mempunyai perancangan untuk mempercepatkan pengeluaran bantuan kewangan sejumlah RM2500 kepada pewaris memandangkan bantuan tersebut sememangnya untuk mengendalikan urusan kematian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mematuhi keperluan di bawah Seksyen 58 (1), Akta KWSP 1991, Lembaga mempunyai budi bicara untuk memberi Bantuan Kematian sebanyak RM2500 yang

dan akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada tahun 2010.

Justeru, graduan Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dari USIM adalah setaraf dengan graduan bagi program lain serta boleh menjawat jawatan sebagai peguam di sektor awam dan swasta setelah lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menubuhkan Majlis Dekan Undang-Undang UA bertujuan untuk membincangkan isu berhubung program undang-undang termasuk isu pengiktirafan dan isu akademik lain yang melibatkan UA.

Manakala di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula, mereka tertakluk kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) yang melibatkan permohonan penubuhan, pendaftaran, pengurusan institusi, pengendalian kursus, permit mengajar dan penutupan.

KPT melaksanakan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan kursus yang ditawarkan adalah kursus yang telah mendapat kelulusan KPT dan diiktiraf oleh badan-badan profesional.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2017

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak KWSP mempunyai perancangan untuk mempercepatkan pengeluaran bantuan kewangan sejumlah RM2500 kepada pewaris memandangkan bantuan tersebut sememangnya untuk mengendalikan urusan kematian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mematuhi keperluan di bawah Seksyen 58 (1), Akta KWSP 1991, Lembaga mempunyai budi bicara untuk memberi Bantuan Kematian sebanyak RM2500 yang

mana bantuan tersebut akan dibayar apabila pengeluaran simpanan si mati diluluskan. Peraturan ini adalah bagi memastikan kesahihan kematian ahli melalui semakan dokumen sokongan yang berkaitan.

Bayaran Bantuan Kematian ini akan dibayar bersama pengeluaran simpanan si mati. Ini bermakna waris tidak perlu membuat permohonan secara berasingan untuk mendapatkan Bantuan Kematian ini. KWSP berpandangan tempoh masa memproses Bantuan Kematian yang disertai dokumen permohonan yang lengkap adalah sesuai dan munasabah pada masa ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 20 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab penggunaan vaksin denggi Dengvaxia di Malaysia masih belum diluluskan oleh Kerajaan, sedangkan negara-negara jiran yang lain termasuk Indonesia, Filipina, dan Thailand telah meluluskan vaksin tersebut. Adakah isu ini disebabkan kekangan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Vaksin denggi berjenama Dengvaxia telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dalam mesyuaratnya bertarikh 31 Oktober 2016. Surat kelulusan produk yang mengandungi syarat-syarat pendaftaran telah dikeluarkan kepada syarikat Sanofi-Aventis (M) Sdn Bhd pada 10 November 2016. Pendaftaran bersyarat selama dua (2) tahun.

Pendaftaran bersyarat dikenakan kepada produk ini adalah kerana masih ada beberapa persoalan berkaitan efikasi dan keselamatan produk yang tidak dapat diperjelaskan sepenuhnya berdasarkan kajian klinikal yang telah dikemukakan kepada Kementerian.

Dari segi syarat pendaftaran keperluan menjalankan kajian klinikal selepas pendaftaran (kajian Fasa IV) bagi menentukan keberkesanan dan keselamatan vaksin dalam kalangan rakyat Malaysia, perbincangan sedang dijalankan di antara Pusat Kajian Klinikal Negara (CRC, HKL) dengan Sanofi. Pelan kajian klinikal termasuk mewujudkan sistem pemantauan keselamatan dalam bentuk *Dengue Vaccine Registry*. Selain itu, protokol kajian klinikal Fasa IV perlu dikemukakan kepada kementerian.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dimaklumkan Sanofi sedang mengambil tindakan untuk memenuhi syarat pendaftaran yang dikenakan dan akan menentukan tarikh vaksin akan diimpot untuk digunakan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat Malaysia dari segi penjagaan kesihatan. Oleh itu, vaksin denggi Dengvaxia telah diluluskan berdasarkan pertimbangan yang cukup teliti bagi melindungi keselamatan rakyat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]
TARIKH : 20 MAC 2017
SOALAN :

YB Dato' Hasan Bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan objektif dan sasaran penubuhan Majlis Pengembaraan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) dan apakah perkhidmatan perubatan dan rawatan yang mendapat permintaan yang tinggi dalam membantu Kerajaan memperkembangkan lagi sektor pelancongan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengenal pasti pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor penyumbang untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi Negara. Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar sebagai destinasi pelancongan kesihatan berdasarkan pelbagai faktor-faktor tarikan seperti kos perubatan yang kompetitif, pakar perubatan yang berkeelayakan taraf antarabangsa, sistem penjagaan kesihatan yang baik, fasiliti perubatan yang bertauliah antarabangsa, serta kemudahan perubatan yang canggih dan terkini.

Berikutan ini, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia atau *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) ditubuhkan pada tahun 2009 di bawah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mempromosi dan memudahcara pembangunan industri pelancongan kesihatan Malaysia. MHTC melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah jenama *Malaysia Healthcare* untuk meletakkan negara sebagai destinasi pilihan antarabangsa bagi penjagaan kesihatan. Kerajaan menasaskan pendapatan melalui pelancong kesihatan akan mencapai RM2.7 bilion menjelang tahun 2020.

Bagi mencapai aspirasi ini, MHTC memetakan tiga pendekatan tunggal sebagai strategi untuk merencanakan inisiatif promosi dan pemasaran pelancongan kesihatan negara, iaitu pemudahcaraan (*facilitation*), pemasaran digital (*digital marketing*) dan kelestarian industri (*industry sustainability*).

Sebagai pemudah cara, MHTC memberi fokus kepada inisiatif berpaksikan perniagaan (*business-to-business* atau *B2B*) bagi membina persepakatan (*alliances*) dan menjalinkan rangkaian (*networking*) di antara hospital-hospital swasta di negara kita dengan rakan kongsi antarabangsa yang berpotensi.

MHTC juga menawarkan pengalaman perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lancar (*seamless, end-to-end experience*) melalui laman sesawang (*web portal*), pejabat-pejabat wakil MHTC, perkhidmatan pusat panggilan (*call centre*), serta perkhidmatan *medical concierge* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri (Pejabat Perwakilan Malaysia), MHTC turut membantu memudah cara proses permohonan visa ke Malaysia bagi tujuan perubatan. Di samping itu, pakej-pakej pelancongan kesihatan disediakan bukan sahaja untuk mendapatkan

rawatan perubatan tetapi juga menawarkan peluang bagi rekreasi sebelum dan/ atau selepas rawatan.

MHTC juga menggiatkan pemasaran digital dengan pengaplikasian internet dan media sosial termasuk *Facebook* dan *Twitter* bagi mempermudah capaian maklumat secara global.

Dalam pada itu, media massa turut diberi keutamaan melalui pelbagai liputan tempatan dan antarabangsa untuk meningkatkan visibiliti Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.

Bagi memantapkan pemasaran secara agresif dan berkesan, MHTC telah mengenal pasti empat (4) negara bagi fokus utama, iaitu Indonesia, Republik Rakyat China, Myanmar dan Vietnam di samping menembusi pasaran-pasaran lain secara berterusan. Selain itu, strategi pemasaran juga akan beralih ke arah pelanggan bernilai tinggi dengan menawarkan rawatan perubatan yang khusus (*niche*), bagi meningkatkan purata pendapatan yang dijana daripada setiap pelancong kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha promosi yang dilaksanakan sehingga kini terbukti melalui pertumbuhan data pelancongan kesihatan yang menggalakkan serta pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang memberikan kesan yang amat positif kepada negara.

Prestasi pelancong kesihatan menunjukkan peningkatan dengan purata pertumbuhan antara tahun 2011 hingga 2015 sebanyak 8% bagi bilangan pelancong kesihatan dan 15% bagi pendapatan yang dijana.

Pada tahun 2015, Malaysia telah merekodkan sejumlah RM914 juta pendapatan yang dijana melalui 859,000 pelancong kesihatan. Pengumpulan data untuk tahun 2016 dijangka akan mencecah RM1.12 bilion melalui 996,000 pelancong kesihatan, iaitu peningkatan tahunan melebihi 23% bagi pendapatan yang dijana dan 16% bagi bilangan pelancong kesihatan.

Melalui statistik yang diperolehi, pelancong kesihatan yang menerima rawatan di Malaysia termasuk berasal dari:

- (i) Indonesia;
- (ii) India;
- (iii) Republik Rakyat China;
- (iv) Jepun;
- (v) United Kingdom;
- (vi) Bangladesh;
- (vii) Filipina;
- (viii) Singapura;
- (ix) Australia; dan
- (x) negara-negara Timur Tengah.

Antara perkhidmatan perubatan yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelancong kesihatan ialah kardiologi, ortopedik, onkologi, neurologi, pergigian, perkhidmatan teknik reproduktif berbantu dan pembedahan kosmetik.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara inisiatif jangka panjang yang telah digariskan untuk pelancongan kesihatan Malaysia ialah:

- (i) penjenamaan pelancongan kesihatan secara berterusan melalui kempen-kempen "*Malaysia Loves You*" dan "*Share My Love*";
- (ii) memperluaskan aktiviti pemasaran melangkaui pasaran tradisional, iaitu Indonesia;
- (iii) mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi untuk penjagaan kesihatan kepakaran dan sub-kepakaran; serta
- (iv) melancarkan kempen pemasaran yang berfokus, agresif dan berseghmen untuk menembusi pasaran sasaran dengan lebih berkesan.

Kerajaan yakin dengan strategi yang telah dipetakan serta sokongan padu daripada semua, tidak kira sama ada pihak Kerajaan, bukan Kerajaan, sektor swasta dan rakyat, Malaysia akan berjaya merealisasikan matlamat negara untuk menjadi destinasi pelancongan kesihatan pilihan di rantau ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]
TARIKH : 20.3.2017 (ISNIN)

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh mana langkah Kerajaan untuk mengurangkan inflasi dan mengawal kenaikan harga barang selepas Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan luput akhir tahun lepas.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menggunakan perundangan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 sebagai langkah penguatkuasaan untuk mengawal harga barangan dalam negara. Mulai 1 Januari 2017 Kementerian telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016 bagi menggantikan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014 yang telah tamat kuatkuasanya pada 31 Disember 2016. Peraturan baru ini merupakan langkah Kerajaan yang berterusan untuk bertindak terhadap aktiviti pencatutan dengan tujuan mengawal kenaikan harga barang serta inflasi.

Peraturan yang dikuatkuasa ini adalah kaedah perundangan yang digunapakai Kementerian bagi memastikan pengambilan keuntungan yang diperolehi oleh peniaga bagi sesuatu barangan adalah munasabah dan terkawal serta selaras dengan tanggungan kos.

Antara langkah-langkah yang telah diambil Kementerian adalah:

- i. melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** juga dilaksanakan bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara;
- ii. menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga

meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga;

- iii. mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** dalam usaha untuk menyelesaikan aduan rakyat melalui tindakan yang cepat dan pantas;
- iv. meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika melalui kehadiran pegawai penguatkuasa; dan
- v. menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Program Pemantauan Harga oleh Pegawai Kementerian.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 20.3.2017

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada beliau sedar bahawa SK Bulu Silau dan SK Bariawa Ulu yang jaraknya hanya 1 kilometer dari bandar Keningau telah usang dan dalam keadaan uzur, bolehkah Kementerian mengambil tindakan demi memperbaiki keadaan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum akan keadaan sekolah-sekolah yang dinyatakan. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah juga telah memohon peruntukan pembaikan dan penyelenggaraan bagi sekolah-sekolah kritikal di Sabah. KPM akan melaksanakan pembaikan sekolah daif di Sabah secara berperingkat-peringkat berdasarkan peruntukan dan kemampuan kewangan semasa kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2017

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan kaedah penetapan harga petrol dan diesel yang baru di mana hanya harga siling akan ditetapkan oleh kerajaan dari masa ke semasa. Justeru, syarikat-syarikat minyak akan bersaing untuk menentukan harga jualan di bawah harga siling tersebut.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- 1) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit petrol RON95 dan diesel

berdasarkan harga pasaran dunia mengguna pakai formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) mulai 1 Disember 2014. Langkah ini selaras dengan kaedah yang sama diguna pakai bagi penetapan harga runcit RON97 yang dilaksanakan terlebih dahulu sejak Julai 2010. Kaedah tersebut telah terbukti berjaya menstabilkan harga pasaran runcit produk petroleum dalam negara. Justeru, buat masa ini Kerajaan akan terus mengguna pakai kaedah tersebut dalam menetapkan harga runcit produk petroleum di negara ini.

2) Berhubung cadangan menetapkan harga siling bagi produk petroleum di stesen minyak, ia masih lagi di peringkat kajian dan penelitian lanjut oleh Kerajaan dengan penglibatan secara langsung oleh agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. HAJI ABD.
LATIFF BIN AHMAD [MERSING]**

TARIKH : 20 MAC 2017

SOALAN :

**YB Datuk Dr. Haji. Abd. Latiff Bin Ahmad [Mersing] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) adakah benar Malaysia mempunyai penjawat awam yang terbesar di dunia mengikut nisbah 1 : 19 (seorang kakitangan awam : 19 orang penduduk); dan
- (b) jika benar apakah usaha untuk menjadikan agar penjawat awam sentiasa optimum serta "right sizing".

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia tidak mempunyai saiz nisbah yang terbesar di dunia bagi seorang penjawat awam kepada penduduk. Saiz Penjawat Awam di Malaysia amat bergantung kepada peranan Kerajaan dan fungsi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sentiasa mengambil usaha-usaha untuk mengoptimumkan sumber manusia di sektor awam untuk memastikan sumber manusia sedia ada di sektor awam dapat digunakan sepenuhnya bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan sektor awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
TARIKH : 20 MAC 2017
SOALAN :

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta MENTERI KESIHATAN: -
menyatakan status perkhidmatan "Home Nursing" yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Adakah cadangan untuk memperkembangkan lagi perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan "*Home Nursing*" di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dinamakan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (*Domiciliary Health Care*). Perkhidmatan Perawatan Domisiliari di kesihatan primer diberikan kepada pesakit terlantar yang stabil baharu discaj daripada hospital yang memerlukan penjagaan berterusan (*continuity of care*) dan menyokong keluarga pesakit melalui latihan kepada penjaga dalam aspek jagaan kesihatan pesakit di rumah bagi penggalakan penjagaan sendiri (*self care*). Keutamaan adalah kepada kes *stroke, traumatic brain injury, spinal cord injury*. Skop perkhidmatan merangkumi perawatan, rehabilitasi dan paliatif. **Untuk permulaan**, perkhidmatan yang disediakan fokus kepada perawatan dan rehabilitasi.

Sehingga kini perkhidmatan ini disediakan di 160 klinik kesihatan di 80 Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan semua 15 negeri seluruh Malaysia. Setiap tahun bilangan pesakit menerima perkhidmatan ini bertambah. Bagi tahun 2016, seramai 3,062 pesakit telah menerima perkhidmatan ini, dimana seramai 1,843 (60.2%) adalah kes strok, 187 (6.1%) kes *Traumatic Brain Injury*, 68 (2.2%) kes *Spinal Cord Injury*, 36 (1.2%) kes *Cerebral Palsy*, 142 (4.6%) kes kanser dan lain-lain kes 786 (25.7%). Majoriti pesakit yang menerima perkhidmatan ini adalah golongan warga emas seramai 2,136 (70%).

Pada tahun 2016, skop Perkhidmatan Perawatan Domisiliari **diperluaskan kepada elemen perawatan paliatif**. Pelaksanaan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari di kesihatan primer akan terus diperluaskan secara berperingkat mengikut keupayaan sumber manusia (pasukan asas dan pasukan pelbagai disiplin), bagi memastikan perkhidmatan sedia ada di klinik kesihatan tidak terjejas.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 20.3.2017

SOALAN :

Datuk Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) adakah benar pihak Kementerian bercadang untuk menamatkan kontrak guru-guru interim di Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah guru-guru interim yang telah ditamatkan kontrak di Sarawak dan daripada universiti manakah guru-guru interim tersebut telah melanjutkan pelajaran mereka.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan 210 guru interim di Sarawak yang terdiri daripada graduan pendidikan *open market* pelbagai universiti awam dan swasta tidak dilanjutkan selepas Mac 2017 disebabkan mereka tidak lulus temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) atau tidak hadir temu duga SPP. Langkah ini menepati prosedur yang ditetapkan kerana SPP adalah badan yang mengawal kualiti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga mengambil berat tentang

pengisian kekosongan guru-guru dengan memastikan hanya guru yang cemerlang dan berkualiti diserap masuk sebagai guru tetap di dalam Perkhidmatan Pendidikan.

Walau bagaimanapun, peluang bagi menghadiri temuduga kali kedua akan diberikan kepada guru-guru interim yang ditempatkan di sekolah menengah di negeri Sarawak yang gagal temu duga kali pertama dengan memberikan pelanjutan kepada tempoh perkhidmatan interim mereka.

RJM54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]
TARIKH : 20 MAC 2017
SOALAN :

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian menyedari bahawa pemotongan peruntukan kepada hospital-hospital Kerajaan mengakibatkan keresahan kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil perhatian bahawa terdapat segolongan rakyat yang bimbang dengan kemungkinan terjejasnya perkhidmatan kesihatan yang akan diterima oleh mereka berikutan ketidaktentuan ekonomi dunia yang telah memberi kesan kepada kedudukan kewangan negara dan seterusnya bajet yang diperuntukkan untuk Kementerian amnya dan peruntukan kepada hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan khususnya. Namun keadaan ini tidak akan menghalang usaha dan komitmen KKM untuk terus

menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang sebaik mungkin kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

KKM ingin memberi jaminan kepada semua rakyat Malaysia bahawa Kerajaan tidak akan melepaskan tanggungjawab terhadap golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Mereka akan terus menerima tahap penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi pada kadar yang amat berpatutan seperti yang telah mereka terima sebelum ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]
TARIKH : 20 MAC 2017
SOALAN :

YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan di penghujung ini, lambakan pekerja asing di Malaysia telah bertukar menjadi isu sosial dan juga ancaman kesihatan kepada rakyat tempatan. Apakah standard saringan ujian kesihatan yang diberikan kepada pekerja-pekerja asing di Malaysia dan sejauh manakah ianya benar-benar dipatuhi di negara pembekal.

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kerajaan adalah semua pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan iaitu semasa berada di negara asal mereka dan semasa berada di Malaysia. Tujuan pemeriksaan perubatan dijalankan adalah untuk memastikan pekerja asing yang hendak bekerja di Malaysia adalah sihat, tidak menghidap penyakit berjangkit serta sesuai untuk bekerja di Malaysia.

Untuk makluman pemeriksaan perubatan di negara asal pekerja asing akan dijalankan di fasiliti kesihatan atau hospital yang dikenalpasti oleh negara sumber. Kualiti pemeriksaan perubatan oleh fasiliti kesihatan di negara asal pekerja asing ini adalah berdasarkan standard / garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pelaksanaannya dipantau oleh penyedia perkhidmatan yang telah dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pemeriksaan kesihatan di negara asal ini adalah penting bagi memastikan pekerja asing yang sihat dan sesuai sahaja diterima untuk bekerja di Malaysia.

Semasa bekerja di Malaysia, pekerja asing perlu menjalani pemeriksaan perubatan sebanyak tiga kali iaitu dalam tempoh satu bulan ketibaan di Malaysia serta pemeriksaan tahunan iaitu sebelum berakhir tahun pertama dan sebelum berakhir tahun kedua di Malaysia. Hanya pekerja asing yang lulus pemeriksaan perubatan sahaja yang akan diisytiharkan sesuai untuk bekerja di Malaysia dan diberikan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

Standard saringan pemeriksaan perubatan pekerja asing di negara ini adalah ditetapkan oleh KKM di mana menentukan *standard* ini melibatkan perbincangan dan persetujuan pelbagai pakar perubatan dalam bidang masing-masing dalam menentukan *standard* saringan pemeriksaan perubatan yang sedia ada. Pemeriksaan perubatan pekerja asing meliputi tiga (3) komponen iaitu:-

- i. Pengambilan sejarah (history taking), pemeriksaan fizikal dan juga melibatkan saringan mental pekerja asing;
- ii. Pemeriksaan ujian sampel darah dan urin untuk saringan penyakit tertentu iaitu saringan untuk Hepatitis B, HIV, Malaria, Syphilis, penyalahgunaan dadah kanabis dan Opiate, kencing manis dan kegagalan buah pinggang; dan
- iii. Pemeriksaan X-ray dada untuk saringan penyakit TB.

Standard pemeriksaan perubatan pekerja asing ini akan dibuat semakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Semua ini dilakukan untuk memastikan *standard* pemeriksaan perubatan pekerja asing sentiasa tinggi dan memastikan hanya pekerja asing yang sihat dan tidak menghidap penyakit berjangkit sahaja yang dibenarkan bekerja di negara ini.

SOALAN (22)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]

SOALAN :-

YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran kos pembinaan ECRL per kilometer. Kenapa Kerajaan tidak mengikuti cadangan HSS Engineering Group kepada Kerajaan pada 2015 yang jauh lebih rendah kosnya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos dalam setiap sistem pengangkutan awam berasaskan rel masih berbeza, unik dan tersendiri walaupun dalam negara kita sendiri.

Kos ini bukanlah semata-mata kos pembinaan landasan keretapi sahaja, tetapi juga merangkumi kos bagi kajian kejuruteraan untuk kelajuan reka bentuk, topografi dan keadaan geologi. Berpandukan kepada keadaan topografi negara dan demi mendapatkan jajaran landasan yang optimum, pembinaan ECRL mempunyai cabaran yang kompleks. Projek ERCL ini adalah salah satu projek kejuruteraan dan pembinaan paling mencabar dalam negara setakat ini.

Tuan Yang Dipertua,

Kos pembinaan projek ECRL sepatutnya tidak diperlihatkan dalam perspektif yang sempit. Projek ini perlu dilihat melalui lensa yang lebih menyeluruh terutama sekali tentang kesan limpahan ekonomi (*economic*

spillover effects) yang bakal dibawa apabila projek ini siap kelak. ECRL merupakan projek infrastruktur yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang. Pelaksanaan ECRL akan menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri pantai Timur di Semenanjung dan bakal merangsangkan lagi pertumbuhan sosio ekonomi, serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Projek ini bukanlah sesuatu yang baharu, malah ianya telah mula dibincangkan di pelbagai peringkat sejak 1981 lagi. Sejak cadangan asalnya, perancangan menyeluruh, pelan kewangan, kaji selidik pasaran dan kajian sudah dilaksanakan. Kajian kebolehlaksanaan telah dilakukan sejak 2007 dan kaji selidik pasaran melalui Permintaan Maklumat (Request of Information - RFI) telah dilaksanakan dari Mac sehingga Jun 2016. Menerusi RFI, Kerajaan telah menerima respon daripada 27 kumpulan dari 5 negara yang berbeza termasuk Korea, China, Australia, Amerika Syarikat dan Eropah yang berminat untuk melaksanakan projek ini. Melalui kajian ini, spesifikasi teknikal termasuklah indikatif terhadap kos telah ditentukan.

Pelaksanaan projek ini juga akan memberikan limpahan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih mampan, value for money dan boleh dirasai oleh segenap lapisan rakyat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

20 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 20 MAC 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BARU]**

SOALAN :-

YB. Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah terkini rakyat Malaysia yang masih belum mempunyai rumah pertama dan bagaimanakah Kerajaan membantu terutamanya dalam isu kesulitan pembeli untuk mendapatkan pinjaman rumah daripada bank yang mengenakan syarat-syarat yang terlalu membebankan rakyat terutamanya rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (JPM) sehingga tahun 2014, bilangan keluarga (isi rumah) yang dianggarkan belum memiliki rumah (masih menyewa) adalah 1,333,510 keluarga.

Bagi membantu rakyat mendapat kemudahan kewangan bagi pembelian rumah kediaman, pihak Kerajaan melalui Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah melancarkan beberapa program pembiayaan, seperti berikut :

- i) Skim jaminan kemudahan kewangan oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd. (SJKP)
 - Skim ini dilancarkan sejak 2008 dan menawarkan jaminan kepada golongan berpendapatan rendah dan yang tidak mempunyai

penyata gaji supaya layak untuk mendapatkan kemudahan kewangan bagi pembelian rumah pertama dari institusi perbankan.

- SJKP menyediakan jaminan untuk pinjaman sehingga 100 peratus bagi pembelian rumah kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai RM300,000.00 ke bawah.

ii) Skim Rumah Pertamaku

- Skim ini telah dilancarkan pada 2011 bagi membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM5,000.00 sebulan, atau pasangan suami isteri yang berpendapatan tidak lebih daripada RM10,000.00 sebulan, untuk memiliki rumah pertama.
- Pembiayaan diberi adalah sehingga 100% bagi pembelian rumah pertama yang bernilai RM220,000.00 ke bawah (bagi permohonan secara individu) atau RM500,000.00 ke bawah (bagi permohonan suami dan isteri).

iii) Skim Perumahan Belia

- Skim ini telah dilancarkan pada Oktober 2015 untuk membantu pasangan suami isteri yang berumur 25 sehingga 40 tahun dan berpendapatan tidak lebih daripada RM10,000.00 sebulan, untuk memiliki rumah pertama.
- Pembiayaan adalah sehingga 100 peratus bagi pembelian rumah pertama yang bernilai RM500,000.00 ke bawah.

iv) Skim Pembayaran Deposit Rumah Pertama (*MyDeposit*)

- Skim ini dilancarkan pada April 2016 bertujuan membantu golongan berpendapatan RM3,000.00 sehingga RM10,000.00 sebulan membiayai kos deposit rumah pertama mereka sebanyak 10% daripada harga jualan atau maksimum RM30,000.00 untuk pembelian rumah yang bernilai RM500,000.00 ke bawah.

v) Skim bagi membantu rakyat membeli rumah PR1MA

- Program PR1MA yang dilancarkan pada 2013 menawarkan perumahan berkualiti tinggi antara RM100,000.00 hingga RM400,000.00 dan ditawarkan kepada rakyat yang berpendapatan isi rumah purata bulanan antara RM2,500.00 hingga RM15,000.00.
- Skim pembiayaan akhir khas, dikenali sebagai Skim Pembiayaan Fleksibel (SPEF) telah diperkenalkan khusus untuk pembeli kediaman PR1MA.
- Asas SPEF adalah pembiayaan "*step-up*" dengan pengeluaran Akaun 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), di mana dalam tempoh lima tahun pertama, hanya faedah yang perlu dibayar. Pembayaran bagi jumlah "*principlal*" hanya dibuat daripada tahun keenam sehingga pembayaran pinjaman selesai.
- SPEF untuk para pembeli kediaman PR1MA ini meningkatkan peluang mereka untuk mendapat pinjaman rumah serta

memberikan akses kepada jumlah pinjaman yang lebih tinggi berbanding dengan pinjaman konvensional.

Oleh yang demikian, pembeli rumah pertama yang berkelayakan yang memerlukan pinjaman perumahan boleh mendaftarkan diri dengan institusi perbankan yang mengambil bahagian bagi menyertai program-program tersebut.

Bagi pinjaman perumahan terutama yang melibatkan Rumah Mampu Milik (RMM) kategori Program Perumahan Rakyat (PPR), Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah bersetuju memperkenalkan pembiayaan melalui kaedah Sewa Untuk Beli (*Rent To Own*) yang dapat membantu pemohon yang berkelayakan untuk mendapat bantuan pembiayaan bagi pemilikan rumah PPR.

Pembiayaan melalui kaedah Sewa Untuk Beli hanya ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Buat masa ini kaedah Sewa Untuk Beli akan dilaksanakan secara rintis bagi pembelian 4 PPR iaitu:-

- i. PPR Gua Musang (1,000 unit);
- ii. PPR Kampung Hassan (300 unit);
- iii. PPR Lembah Subang 2 (1,580 unit); dan
- iv. PPR Ladang Siliau (150 unit)

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN AHMAD [BUKIT GANTANG]

TARIKH : 20 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN : 24

Tuan Idris Bin Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan cukai jalan kenderaan diesel memandangkan harga diesel sudah tidak terlalu berbeza dengan harga petrol, tambahan pula kos penyelenggaraan kenderaan diesel lebih tinggi daripada petrol.

JAWAPAN

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan telah mengambil inisiatif menyamak kadar LKM melalui Bajet 2009 yang melibatkan penyelarasan kadar LKM kenderaan persendirian diesel dengan kadar LKM kenderaan persendirian petrol dengan penurunan kadar LKM diesel secara puratanya adalah sebanyak 50%.

Dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran yang mapan melalui sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan berteraskan teknologi hijau, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan akan melaksanakan kajian untuk membangunkan formula kadar LKM berasaskan kadar pelepasan karbon oleh kenderaan. Formula cukai jalan sebegini telah diguna pakai di negara-negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Singapura. Dalam hal ini, pengecualian atau rebat cukai jalan akan diberikan kepada *energy efficient vehicles* (EEV) yang membuat pelepasan karbon yang rendah.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
KAWASAN : KUDAT
TARIKH : 20 MAC 2017, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan setakat manakah tahap persediaan perlaksanaan jalan Pan Borneo melibatkan jajaran jalan “coastal highway” dari Tuaran ke Kudat. Bilakah projek ini dapat dimulakan dan setakat manakah perlaksanaan ini melibatkan kontraktor pembinaan tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, skop projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah turut melibatkan pembinaan jajaran Jalan Pesisir Pantai Tuaran – Kudat, iaitu melalui Tuaran – Kota Belud – Kota Marudu – Rampayan Laut – Sarang – Temuno – Bingolon dan seterusnya ke Simpang Mengayau di Kudat sepanjang 123.5km. Pemilihan jajaran tersebut dibuat setelah mengambil kira kesesuaian dari kajian Pelan Induk Pembangunan Bagi Kawasan Utara Sabah 2015 – 2030 oleh Kerajaan Negeri Sabah (Januari 2016); dan juga

Kajian Kemungkinan Awalan Jalan Pesisir Pantai Tuaran – Kudat, Sabah oleh Kementerian Kerja Raya (Februari 2014).

Mengenai status kemajuan semasa, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran Jalan Tuaran – Kudat itu telah melepasi proses Makmal Pengurusan Nilai atau 'Value Assesement' pada bulan September 2016 yang lalu. Pada masa kini juru perunding yang dilantik oleh Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. – iaitu PDP atau Rakan Pelaksana Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah – sedang giat melaksanakan kerja-kerja reka bentuk terperinci bagi laluan berkenaan. Berdasarkan perancangan kementerian ini dan pihak PDP, fasa pembinaan dijangka akan dimulakan secara berperingkat-peringkat pada tahun 2017 dan ia dirancang akan siap keseluruhannya pada awal tahun 2021, iaitu mengambil tempoh masa 36 bulan.

Mengenai cadangan penglibatan kontraktor tempatan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi perolehan bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah termasuk penglibatan kontraktor Bumiputera dimuktamadkan Jawatankuasa Tender yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

Perbincangan menetapkan mekanisme agihan kerja termasuk kerja subkontrak kepada kontraktor Bumiputera dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh masa terdekat, iaitu mengambil kira kaedah atau model yang hampir sama sebagaimana Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak.

Sekian. Terima kasih

SOALAN (26)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 20 MAC 2017
[ISNIN]
DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]
SOALAN :

YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bekalan gas asli ke Daerah Manjung, Perak setiap tahun dan adakah ia mencukupi. Adakah bekalan gas asli ke Daerah Manjung, Perak akan mencukupi apabila paip gas asli disambungkan ke kawasan industri di Ipoh.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bekalan gas asli di Daerah Manjung, Perak pada tahun 2016 adalah sebanyak 5.84 juta mmBtu (*million per British Thermal Unit*) yang dibekalkan kepada lebih kurang 10 syarikat dalam industri perusahaan makanan dan minuman, perusahaan produk *non-metallic mineral* dan produk berasaskan getah di kawasan tersebut. Jumlah kapasiti gas asli yang dibekalkan di Daerah Manjung adalah mencukupi dan tidak akan terjejas apabila paip gas asli disambungkan ke kawasan industri di Ipoh.

Sekian, terima kasih.

20 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 20 MAC 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

SOALAN :

YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk mengatasi masalah pengangguran yang kini melebihi 510,000 orang atau seramai 10,000 orang menganggur setiap bulan yang turut terdiri dari para profesional seperti doktor, ahli farmasi, jurutera dan berkelulusan sarjana.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (LPTB) sehingga suku tahun keempat 2016, Malaysia mencapai guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran hanya pada 3.5% bersamaan dengan 510,800 penganggur. Daripada jumlah keseluruhan penganggur, hanya 26.9% atau 137,300 orang adalah graduan. Berdasarkan Statistik Pemberhentian Pekerja (Januari hingga Disember 2016) yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, seramai 37,699 orang pekerja telah diberhentikan pada tahun 2016 dan daripada jumlah tersebut hanya 7,120 orang atau 18.9% adalah pekerja profesional.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai langkah proaktif, Kerajaan sentiasa serius dalam menangani isu pengangguran dengan memberikan keutamaan dan perhatian dalam mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Ini dapat dilihat menerusi pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menggabungkan dua komponen iaitu 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang

memberi fokus kepada pertumbuhan ekonomi, dan 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) yang merangkumi dasar serta prosedur yang dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan dinamik. Gabungan NKEA dan SRI telah disasar untuk mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu menjelang 2020.

Selain itu, Kerajaan juga turut memberi penekanan dalam mempertingkatkan kebolehpasaran graduan bagi menangani isu pengangguran memandangkan berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan (LKPG) 2015, 23.9% graduan masih belum berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh 6 bulan setelah tamat pengajian. Antara usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi mengurangkan ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan guna tenaga pada ketika ini termasuklah:

- i) meningkatkan pengetahuan dan kemahiran insaniah yang merangkumi kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, kepimpinan, etika dan spiritual, antaranya menerusi pelaksanaan pentaksiran bersepadu iaitu *Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)*;
- ii) meningkatkan pendidikan keusahawanan bagi memupuk minda keusahawanan dan melengkapkan pelajar dengan kemahiran berniaga;

- iii) mengurangkan program pendidikan tinggi yang tidak relevan kepada keperluan industri;
- iv) meningkatkan penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum pendidikan tinggi dan latihan praktikal, antaranya menerusi program akademik berbentuk *2u2i* iaitu 2 tahun pembelajaran di universiti dan 2 tahun penempatan industri, atau *3u1i* iaitu 3 tahun pembelajaran di universiti dan 1 tahun penempatan industri; dan
- v) meningkatkan program kebolehpasaran graduan atau *Graduate Employability* (GE) melalui Program Intervensi dan Program Pusat Kecemerlangan Industri atau *Industry Centre of Excellence* (ICoE).

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil berat akan isu pengangguran mahasiswa dan telah mengambil pelbagai langkah intervensi bagi mengatasi masalah ini. Antara intervensi-intervensi yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan adalah:

- i) **Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)** iaitu program untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran (*employability*) atau keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta yang melaksanakan program SL1M sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

- ii) **Graduate Employability Management Scheme (GEMS)** merupakan program untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan terutamanya dalam bidang ekonomi utama dengan meningkatkan kemahiran para graduan dengan berdasarkan keperluan industri. Program ini melengkapkan graduan dengan kemahiran yang relevan dengan industri dan pengalaman melalui latihan dalam penempatan. Program ini berfokuskan sektor (*sector-focused*) dan berpandukan permintaan oleh sektor-sektor utama.

- iii) **Program Pentauliah Profesional** di mana para pelajar yang sedang belajar boleh mengikuti program ini bagi mendapatkan sijil yang diiktiraf oleh badan-badan bertauliah dan profesional dalam bidang-bidang yang berkaitan;

- iv) **Program Finishing School** yang merangkumi latihan dari segi dandanan diri, kefasihan berbahasa Inggeris, penulisan *resume*, dan kemahiran bagi menghadiri temuduga;
- v) **Apprenticeship Programme** yang memberi penekanan kepada latihan yang menjurus kepada meningkatkan kemampuan graduan untuk merebut peluang pekerjaan di industri utama. Selepas tamat latihan, para peserta yang mengikuti program ini akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang menyediakan latihan tersebut.
- vi) **Bridging Gap Programme** yang melengkapkan pengetahuan dan kemahiran graduan mengikut keperluan majikan. Modul latihan yang disediakan adalah dinamik dan fleksibel mengikut keperluan majikan. Setelah tamat, graduan akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang terpilih; dan
- vii) **Program Latihan Keusahawanan** yang mendedahkan graduan mengenai dunia keusahawanan dan memupuk minat mereka untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Para graduan yang mempunyai atribut yang sesuai akan ditawarkan mengikuti program ini dengan modul-modul khas mengikut sektor-sektor tertentu seperti pertanian, francais dan sebagainya.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi dengan menggalakkan industri beralih ke aktiviti rantai nilai yang lebih tinggi. Langkah ini seterusnya dapat meningkatkan permintaan kerja berkemahiran tinggi di kalangan industri dan seterusnya mampu mengurangkan masalah pengangguran di kalangan graduan.

Sekian, terima kasih.

20 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 20 MAC 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMPUT]**

SOALAN :-

YB. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah tunggakan sewa rumah oleh penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) mengikut negeri. Apakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan para penyewa PPR menjelaskan sewa rumah dan apakah tindakan tegas yang boleh diambil terhadap mereka yang enggan membayar sewa rumah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Disember 2016, jumlah tunggakan sewa rumah oleh penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dipantau oleh Kementerian mengikut negeri adalah seperti berikut :-

BIL	NEGERI	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT TERLIBAT TUNGGAKAN	JUMLAH TUNGGAKAN TERKUMPUL (RM)
1	W.P. Kuala Lumpur	32,762	17,229	25,278,482.29
2	Selangor	3,304	TM	19,440,280.00
3	Negeri Sembilan	420	242	421,766.00
4	Melaka	336	TM	TM
5	Johor	8,278	1,083	1,166,256.00
6	Perak	915	380	312,615.00
7	Pulau Pinang	698	TM	TM
8	Kedah	1,894	TM	TM
9	Perlis	1,428	TM	1,067,065.00
10	Kelantan	TM	TM	TM
11	Terengganu	1,002	168	29,232.00
12	Sabah	17,396	0	48,000.00
13	Sarawak	3,016	TM	TM

Nota :

TM : Tiada Maklumat yang diperoleh daripada Kerajaan Negeri

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) merupakan pelaksana projek-projek PPR dan projek ini akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri selepas disiapkan. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Negeri (PBN) akan menguruskan pengisian, pengurusan dan penyelenggaraan PPR yang telah diserahkan. Di samping itu PBN juga bertanggungjawab dalam memastikan kutipan sewa dan penguatkuasaan dibuat dengan sewajarnya.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Januari 2016, Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah melancarkan operasi penguatkuasaan iaitu “Ops Sejahtera Komuniti” yang dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi-agensi yang berkaitan.

Fokus utama pelaksanaan “Ops Sejahtera Komuniti” adalah seperti berikut:

- i. Penyewaan rumah PPR kepada pihak ketiga termasuk warga asing;
- ii. Tunggakan sewa bulanan; dan

iii. Penyalahgunaan premis

*(Menjadikan rumah PPR sebagai Homestay, Stor Barang
Perniagaan, Rumah Pekerja dan lain-lain)*

Selain itu, ops ini juga bertujuan untuk mendapatkan input terperinci mengenai tahap sosioekonomi serta keadaan persekitaran perumahan PPR termasuk aspek keselamatan, kebersihan dan keselesaan penghuni.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak empat (4) siri program penguatkuasaan “Ops Sejahtera Komuniti” telah dilaksanakan seperti berikut:-

LOKASI	TARIKH OPERASI	JUMLAH UNIT
PPR Jalan Sagindai, Papar, Sabah	5 Mac 2016	500
PPR Jalan Pudu Ulu, Kuala Lumpur	2 April 2016	948
PPR Taman Dahlia, Kuah, Langkawi, Kedah	24 April 2016	422
PPR Taman Sri Stulang, Johor Bahru, Johor	7 Mei 2016	1,500
JUMLAH		3,370

Hasil pelaksanaan “Ops Sejahtera Komuniti” tersebut, PBN telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan amaran

melalui Notis Peringatan kepada 377 unit yang terlibat dengan tunggakan sewa.

Bagi kesalahan menyewakan unit rumah PPR kepada pihak ketiga (sublet), PBN akan membuat siasatan terlebih dahulu dan jika didapati bersalah atas kesalahan tersebut PBN akan mengeluarkan Notis Penamatan serta merta kepada penghuni terbabit. Untuk rekod sepanjang tahun 2016 sebanyak 68 unit rumah telah dikeluarkan Notis Penamatan.

Pada tahun 2017 Kementerian akan meneruskan usaha bagi mengatasi masalah penyalahgunaan rumah PPR seperti menyewa kepada orang lain terutamanya kepada warga asing bagi memastikan keharmonian komuniti di PPR dapat dikekalkan di samping menjamin kesejahteraan dan keselamatan penduduk di PPR serta memastikan penguatkuasaan ini boleh membantu dalam menangani isu-isu perumahan rakyat secara amnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

iii. Penyalahgunaan premis

*(Menjadikan rumah PPR sebagai Homestay, Stor Barang
Perniagaan, Rumah Pekerja dan lain-lain)*

Selain itu, ops ini juga bertujuan untuk mendapatkan input terperinci mengenai tahap sosioekonomi serta keadaan persekitaran perumahan PPR termasuk aspek keselamatan, kebersihan dan keselesaan penghuni.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak empat (4) siri program penguatkuasaan “Ops Sejahtera Komuniti” telah dilaksanakan seperti berikut:-

LOKASI	TARIKH OPERASI	JUMLAH UNIT
PPR Jalan Sagindai, Papar, Sabah	5 Mac 2016	500
PPR Jalan Pudu Ulu, Kuala Lumpur	2 April 2016	948
PPR Taman Dahlia, Kuah, Langkawi, Kedah	24 April 2016	422
PPR Taman Sri Stulang, Johor Bahru, Johor	7 Mei 2016	1,500
JUMLAH		3,370

Hasil pelaksanaan “Ops Sejahtera Komuniti” tersebut, PBN telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan amaran

melalui **Notis Peringatan kepada 377 unit yang terlibat dengan tunggakan sewa.**

Bagi **kesalahan menyewakan unit rumah PPR kepada pihak ketiga (sublet)**, PBN akan membuat siasatan terlebih dahulu dan jika didapati bersalah atas kesalahan tersebut PBN akan mengeluarkan Notis Penamatan serta merta kepada penghuni terbabit. Untuk rekod sepanjang tahun 2016 sebanyak **68 unit rumah telah dikeluarkan Notis Penamatan.**

Pada tahun 2017 Kementerian akan meneruskan usaha bagi mengatasi masalah penyalahgunaan rumah PPR seperti menyewa kepada orang lain terutamanya kepada warga asing bagi memastikan keharmonian komuniti di PPR dapat dikekalkan di samping menjamin kesejahteraan dan keselamatan penduduk di PPR serta memastikan penguatkuasaan ini boleh membantu dalam menangani isu-isu perumahan rakyat secara amnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG

TARIKH : 20 MAC 2017

RUJUKAN : 9645

SOALAN:

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- a) tindakan (siasatan) yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu kematian tahanan dalam lokap 'custodial death', selain bergantung kepada laporan siasatan dalaman polis.; dan
- b) mengapakah Kementerian belum mewujudkan tribunal khas yang bebas dalam penyeliaan ke atas penguatkuasa tanpa bergantung kepada siasatan dalaman berbentuk tatatertib.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada daripada sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyemak semula *Standard Operating Procedure (SOP)* yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu di antaranya:-

- a) Memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
- b) Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;**

- c) Lawatan oleh pihak SUHAKAM diadakan untuk menentukan tahanan dibuat mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;**
- d) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "habitual", tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;**
- e) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan; dan**
- f) Menjadikan naziran terhadap lokap polis sebagai *Key Performance Indicator* (KPI), Kementerian Dalam Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini sejumlah 8 lokap polis telah dilawati oleh Pasukan Naziran.**

Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak serta dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian tiada cadangan untuk menubuhkan tribunal khas untuk menyiasat kes kematian dalam tahanan memandangkan peruntukan undang-undang yang sedia

ada ketika ini adalah mencukupi. Selain itu, badan bebas seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) juga boleh menjalankan siasatan dan membuat pemeriksaan apabila berlakunya sebarang kematian dalam tahanan mengikut kuasa-kuasa yang diberikan kepada pihak berkenaan.

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

TARIKH : 20 MAC 2017

RUJUKAN : 9796

SOALAN:

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pesalah warganegara yang menerima hukuman gantung mengikut jenis jenayah, kaum dan jantina serta perincian jenis jenayah, negara asal serta jantina bagi pesalah bukan warganegara setakat Februari 2017 dan bilangan pesalah yang telahpun dijatuhkan hukuman gantung mati mengikut jenis jenayah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 21 Februari 2017 menunjukkan terdapat seramai 1,122 banduan yang telah disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah.

Dari tahun 2014 hingga 21 Februari 2017, jumlah banduan yang telah dilaksanakan hukuman gantung sampai mati adalah seramai 16 orang yang mana 14 orang adalah warganegara Malaysia manakala 2 lagi adalah orang warganegara asing. Daripada jumlah tersebut, seramai 15 orang daripadanya adalah dijatuhkan hukuman mati kerana kesalahan membunuh dan manakala seorang lagi membabitkan kesalahan senjata api.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN
AZIZAH BIN WAN ISMAIL [
PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 20.3.2017 (ISNIN)

SOALAN : 31

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana pemantauan Kerajaan terhadap tanah untuk orang Asli dan jumlah terkini kawasan hutan yang telah digazetkan mengikut negeri, serta adakah terdapat sebarang hukuman atau tindakan yang dikenakan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab bagi menjamin tiada pencerobohan yang menjejaskan kehidupan orang Asli.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua

Pemilikan tanah di kalangan Orang Asli terbahagi kepada dua kategori iaitu secara pewartaan atau hakmilik individu. Permohonan pewartaan bagi penempatan Orang Asli adalah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli. Manakala permohonan bagi pemilikan secara hakmilik individu dilaksanakan oleh individu Orang Asli ke Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN) melalui Pejabat Tanah Daerah (PTD) yang berkaitan.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi hasrat JAKOA supaya 853 buah perkampungan Orang Asli diwartakan bagi memastikan wujudnya penentuan sempadan sekali gus dapat mengelak pertindihan tuntutan dan pencerobohan daripada pihak luar. Pemantauan bagi pewartaan penempatan Orang Asli dibuat melalui empat kategori seperti berikut:

**Status Pewartaan Tanah Orang Asli sehingga 31 Dis
2015**

Bil	Status Tanah	Keluasan (hektar)
1	Tanah yang telah diwartakan di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan Kanun Tanah Negara 1965	32,779.37
2	Tanah yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) tetapi masih belum warta	19,870.08
3	Tanah yang sedang dalam proses permohonan kepada Kerajaan Negeri	74,838.86
4	Tanah belum dibuat permohonan	5,142.73
Jumlah Keluasan (Hektar)		132,631.04

Bagi memastikan pewartaan dapat diselesaikan dalam tempoh yang segera, Kementerian ini komited menyelesaikan kerja-kerja ukur bagi 853 perkampungan Orang Asli. Pada tahun 2017, peruntukan berjumlah RM1.477 juta telah diluluskan kepada JAKOA bagi melaksanakan kerja-kerja ukur untuk menyelesaikan baki penempatan Orang Asli yang masih belum diukur. Setelah kerja-kerja ukur ini selesai, pihak JAKOA akan mengemukakan permohonan pewartaan kepada PBN. Keputusan

pewartaan sama ada di bawah Kanun Tanah Negara Seksyen 62 atau di bawah Seksyen 6 atau Seksyen 7 Akta Orang Asli 1954 adalah tertakluk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK).

Sepertimana masyarakat lain di Malaysia, masyarakat Orang Asli juga mempunyai hak untuk memohon pemilikan secara individu. Berdasarkan rekod JAKOA sehingga 31 Disember 2015, didapati bahawa seluas 1,809.95 hektar keluasan tanah pemilikan individu Orang Asli bagi tujuan tapak kediaman dan tanah pertanian.

Berhubung status penempatan Orang Asli di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK), pihak JAKOA telah melaksanakan semakan dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan didapati bahawa 281 daripada 853 perkampungan Orang Asli berada di dalam kawasan HSK. Sehubungan dengan itu, JAKOA dan JPSM telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama bagi memastikan kebajikan dan isu-isu Orang Asli di dalam kawasan HSK ini ditangani secara berkesan.

Merujuk kepada soalan YB bahawa adakah terdapat sebarang hukuman atau tindakan yang dikenakan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab bagi menjamin tiada pencerobohan yang menjejaskan kehidupan orang Asli? Ya sememangnya ada, YB. Menerusi Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) tindakan undang-undang boleh diambil kepada individu ataupun pihak yang menceroboh kawasan, rizab atau tempat Orang Asli. Seperti yang termaktub di dalam Seksyen 14 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Menteri yang bertanggungjawab boleh melarang mana-mana orang yang dipercayai boleh menjejaskan kehidupan Orang Asli melalui pewartaan daripada memasuki atau berada di kawasan Orang Asli, rizab atau tempat Orang Asli.

Manakala di bawah Seksyen 15, Akta yang sama pula, Ketua Pengarah JAKOA dan mana-mana pegawai polis boleh menahan dan mengusir dari kawasan berkenaan dalam tempoh tujuh hari mana-mana orang yang dijumpai dalam kawasan Orang Asli, rizab Orang Asli atau mana-mana tempat Orang Asli sekiranya didapati boleh menjejaskan kehidupan Orang Asli.

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN

TARIKH : 20 MAC 2016

RUJUKAN : 9643

SOALAN :

**Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan tentang:-**

- a) Prosedur kewarganegaraan bagi rakyat asing yang telah lahir di negara ini tanpa ada hubungan dengan negara asal; dan
- b) Langkah dan dasar bagi kanak-kanak jalanan untuk menikmati pendidikan di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kelahiran yang berlaku di negara ini tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Status kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi yang telah diperuntukkan dengan jelas oleh undang-undang tertinggi di Malaysia iaitu Perlembagaan Persekutuan. Justeru, selaras dengan perundangan yang berkuat kuasa, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dan diteliti dalam menentukan status kewarganegaraan seseorang individu seperti tarikh dan tempat kelahiran, taraf kewarganegaraan serta status perkahwinan ibu dan bapa individu tersebut. Dalam hal ini, beban membuktikan kelayakan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia adalah di bawah tanggungjawab seseorang individu.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan prosedur permohonan kewarganegaraan bagi individu warga asing yang dilahirkan di negara ini, Perlembagaan Persekutuan telah pun memperuntukkan dua kategori pemerolehan kewarganegaraan iaitu sama ada secara pendaftaran atau penaturalisasian (masuk). Dalam hal ini, mana-mana individu yang berhasrat memperolehi kewarganegaraan Malaysia perlulah mengemukakan permohonan berdasarkan kelayakan kepada Jabatan Pendaftaran Negara.

Berhubung dengan isu pendidikan kanak-kanak yang turut dibangkitkan, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam hal ini, kemasukan kanak-kanak jalanan ke sekolah adalah berpandukan kepada peruntukan yang berkuatkuasa di bawah Akta Pendidikan 1996.

SOALAN NO:33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

TARIKH: 20 MAC 2017

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha untuk menyemak kembali undang-undang gangguan seksual melalui Akta Kerja yang hanya melibatkan gangguan di tempat kerja yang sangat terhad dan terbatas definisinya.

PR-1351-L00146

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa mengambil berat berhubung gangguan seksual di tempat kerja. Peruntukan berkaitan Bahagian XVA (dibaca sebagai Bahagian 15A) iaitu Gangguan Seksual telah diwujudkan semasa pindaan ke atas Akta Kerja 1955 pada tahun 2011 dan berkuat kuasa mulai 1 April 2012. Peruntukan ini hanya terpakai untuk situasi yang melibatkan pekerjaan sahaja dan tidak boleh terpakai di tempat lain kerana pekerjaan adalah berdasarkan hubungan majikan dan pekerja. Pada masa sekarang, KSM sedang mengkaji semula Akta Kerja 1955 termasuk Bahagian XVA (15A) iaitu Gangguan Seksual. Sesi konsultasi dengan pihak berkepentingan termasuk kesatuan majikan dan pekerja akan diadakan untuk tujuan ini.

2. Berdasarkan statistik oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Kementerian Sumber Manusia, bilangan aduan gangguan seksual di tempat kerja yang diterima pada tahun 2014 adalah 15 kes, 16 kes pada tahun 2015 dan 26 kes pada 2016. Untuk kes-kes yang diadakan itu, pihak JTKSM telah memberi khidmat nasihat kepada majikan berhubung tindakan yang sepatutnya diambil, contohnya mengasingkan pengganggu seksual daripada pekerja-pekerja lain.

SOALAN (34)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 20 MAC 2017
[ISNIN]
DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN

SOALAN :-

YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendapatan purata per kapita (gross national income per capita) pada tahun 2016. Bagaimanakah Malaysia boleh mencapai wawasan 2020 negara berpendapatan tinggi yang ditakrifkan oleh Bank Dunia dari sekarang sehingga tahun 2020.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada amnya penentuan status negara maju berpendapatan tinggi adalah berasaskan tahap minimum Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia pada tahun 2016 sebanyak AS\$12,476. PNK per kapita Malaysia telah meningkat sebanyak 3.8% setahun daripada RM25,322 (AS\$7,184) pada tahun 2009 kepada RM37,733 (AS\$9,096) pada tahun 2016. Oleh itu, negara sedang berada atas landasan yang betul untuk mencapai status berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Antara cabaran utama yang kita hadapi dalam mencapai status negara maju berpendapatan tinggi adalah tahap produktiviti pekerja yang masih rendah berbanding dengan negara-negara maju dan beberapa negara membangun. Di samping itu, negara masih lagi bersaing dengan negara-negara serantau dari segi ekonomi berintensif buruh dengan kos rendah. Oleh itu, terdapat potensi yang besar bagi negara untuk membuat lonjakan dan merapatkan jurang perbezaan produktiviti ini.

Kerajaan telah menggariskan strategi melalui Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMK11) bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi termasuklah:

- a. Meningkatkan produktiviti dan inovasi untuk memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Dalam hubungan ni, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan dipacu oleh peningkatan dalam produktiviti dan kebergantungan kepada input modal dan pekerja akan dikurangkan. Usaha bagi meningkatkan produktiviti akan dilaksanakan di semua peringkat iaitu makro, industri dan firma serta diterajui oleh juara industri;
- b. Meningkatkan pembangunan modal insan termasuk mengupayakan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) ke arah mewujudkan lebih ramai pekerja mahir bagi memenuhi keperluan industri akan datang;
- c. Menggalakkan lagi pelaburan swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;
- d. Meningkatkan lagi eksport untuk menambah baikimbangan perdagangan;

- e. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih mampan; dan
- f. Meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuk meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah.

Berdasarkan kepada langkah dan strategi yang disebutkan tadi, Malaysia mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta berada di landasan yang tepat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sekian. Terima kasih.

20 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2017

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) jumlah cukai syarikat dan individu yang dipungut tahun lepas jumlah cukai tambahan dan penalti yang dikumpul daripada pengampunan cukai tahun lepas.; dan

(b) sama ada pengampunan cukai pada tahun 2016 merupakan satu kejayaan yang telah mencapai sasarannya

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan kasar cukai langsung termasuk cukai pendapatan (syarikat, individu dan cukai pegangan), cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem ialah sebanyak RM 114 bilion dalam tahun 2016. Jumlah ini termasuk tambahan cukai dan penalti yang berjaya dikutip semasa pelaksanaan Program Pengampunan Cukai dalam tempoh 1 Mac 2016 hingga 15 Disember 2016 iaitu sebanyak RM3.24 bilion yang melibatkan 35,051 kes. Sumbangan cukai syarikat bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM65.84 bilion iaitu 57.75%, manakala pembayar cukai individu menyumbang sebanyak RM29.82 bilion iaitu 26.16% daripada jumlah kutipan kasar cukai langsung.

2) Secara umumnya, Kerajaan mendapati Program Pengampunan Cukai tersebut khususnya bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan mereka telah menghasilkan kesan positif. Pendekatan tersebut telah memberikan manfaat dalam bentuk bertimbang balas untuk membantu pembayar cukai terutamanya dalam keadaan suasana ekonomi yang sangat mencabar dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan tahap pematuhan pembayaran cukai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'
MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]
TARIKH : 20.3.2017 (ISNIN)

Datin Mastura Binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kementerian mahu melaksanakan program tanpa beg plastik dan polisterin dengan menggantikannya dengan pembungkus bahan "biodegradasi" kepada seluruh negara seperti yang telah dilakukan di beberapa negeri seperti Melaka dan Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Objektif utama Kempen Kurangkan Penggunaan Beg Plastik yang diadakan pada setiap hari Sabtu adalah untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kepentingan menjaga alam sekitar. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan persekitaran yang bersih dan selamat kepada semua lapisan masyarakat. Kempen ini adalah satu daripada usaha kerajaan dalam memastikan alam sekitar terpelihara dengan meminimumkan penggunaan sumber asli, bahan toksik dan pengeluaran bahan buangan.

Buat masa ini, Kementerian hanya menjalankan kempen tersebut secara sukarela melibatkan pasaraya yang ingin menyertainya dan tidak mewajibkan semua peniaga untuk menggantikan pembungkusan plastik sedia ada dengan pembungkus bahan biodegradasi ke seluruh negara. Oleh itu, sekiranya terdapat Kerajaan negeri yang melaksanakan peraturan untuk mewajibkan penggunaan pembungkus bahan biodegradasi, ianya adalah tertakluk kepada pemakaian undang-undang pihak berkuasa tempatan dan peraturan di peringkat negeri masing-masing seperti yang telah dilaksanakan di negeri Melaka dan Wilayah Persekutuan.

Kesimpulannya, fokus jangka panjang kerajaan menerusi kempen ini adalah supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan yang selesa dan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik tanpa menggugat keperluan generasi akan datang.

SOALAN NO. : 37

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]**

TARIKH : 20 MAC 2017 (ISNIN)

NO. RUJUKAN :

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mekanisme yang boleh diambil untuk mengatasi permasalahan banjir yang semakin kerap berlaku di Parlimen Lipis kerana Empangan Jelai sering melepaskan air takungannya apabila air penuh dan mengakibatkan banjir di kawasan Parlimen Lipis terutamanya ketika bulan Oktober ke Februari di mana taburan hujan pada waktu itu agak tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semua empangan-empangan di Malaysia mempunyai SOP (*Standard Operating Procedure*) dalam melaksanakan pelepasan air dari empangan. Pelepasan air di empangan Jelai juga terlakuk kepada kepada SOP (*Standard Operating Procedure*) yang ditetapkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Dalam hal ini, bagi membantu menangani masalah banjir di kawasan banjir tersebut, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menjalankan Kajian Rekabentuk Terperinci Lembangan Sungai Pahang. Hasil daripada kajian tersebut, pihak JPS akan melihat sama ada cadangan-cadangan dari kajian tersebut sesuai untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir di Parlimen Lipis.

Bagi mengatasi masalah banjir di daerah Lipis, JPS telah memohon peruntukan dalam *Rolling Plan* 3 Tahun 2018 RMKe-11 bagi pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tempoyang, Mukim Penjom, Daerah Lipis, Pahang Darul Makmur di dalam kawasan Parlimen Lipis.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 20 MAC 2017

RUJUKAN : 9646

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia mengambil komitmen dalam memastikan kebajikan para pelarian yang berada di Malaysia terus terbela serta adakah pengambilan pelarian Syria dikategorikan sebagai penempatan sementara atau penempatan semula dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, Kerajaan tidak mengiktiraf status “Pelarian” memandangkan Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvesyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967. Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan, membenarkan *Illegal Foreign Workers (PATI)* yang memegang Kad *United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)* tinggal sementara di negara ini. Dasar Negara mengenai perkara ini adalah menggunakan asas “satu kes ke satu kes” (*case-to-case basis*).

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri semasa sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menyatakan komitmen Malaysia untuk menerima 3,000 orang migran warganegara Syria dalam tempoh tiga tahun secara sukarela atas dasar ihsan dan perikemanusiaan. Komitmen ini merupakan satu inisiatif Negara dalam menjalankan tanggungjawabnya bersama-sama komuniti antarabangsa untuk menghulurkan bantuan kepada rakyat Syria yang berdepan dengan konflik dan peperangan.

Dalam hal ini, satu program khas telah diwujudkan dan dikenali sebagai Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS). Dibawah Program ini, rakyat Syria yang menjadi mangsa konflik peperangan telah diberikan peluang untuk menjalani kehidupan baru di Malaysia.

Memandangkan Malaysia tidak mengiktiraf status pelarian maka kumpulan ini dikenali sebagai migran. Ini adalah bagi memudahkan mereka untuk menjalani aktiviti harian seperti bekerja, belajar dan mendapat akses perubatan seperti biasa.

Dalam menjayakan usaha ini, Kerajaan telah menjalinkan kerjasama dengan sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan usaha-usaha yang dirancang di peringkat agensi/jabatan Kerajaan yang terlibat dapat dilaksanakan secara bersepadu dan komprehensif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menjalinkan kerjasama dengan Gabungan NGO Kemanusiaan Syria yang terdiri daripada sembilan buah NGO yang akan menguruskan hal ehwal pendidikan, kesihatan dan kebajikan migran Syria yang menyertai program ini. Di antaranya:

- i. Humanitarian Care Malaysia (MyCare);**
- ii. Syria Care Malaysia;**
- iii. Malaysian Humanitarian Aid and Relief (MAHAR);**
- iv. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM);**
- v. IMAM Response and Relief Team (IMARET);**
- vi. Muslim Care;**
- vii. Pertubuhan Sinar Damsyik Malaysia (PERSIDAM);**
- viii. Malaysia Life Line For Syria; dan**
- ix. Yayasan Restu.**

Suka diingatkan di sini bahawa Program ini hanyalah berdasarkan kepada pemberian kemudahan Penempatan Sementara bagi membantu migran Syria ini untuk hidup dan meneruskan kehidupan mereka sepanjang keberadaan mereka di Malaysia. Migran Syria ini akan pulang ke negara mereka apabila keadaan kembali pulih dan perang saudara di Syria berakhir.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2017

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian akan mengumumkan formula untuk mengira harga petrol secara bulanan. Kalau tidak, kenapa.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) telah digunakan oleh Kerajaan dalam menetapkan harga runcit petrol di negara ini sejak tahun 1983. Kos

sebenarnya produk petrol yang telah siap diproses (*refined product*) dan kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.

2) Kerajaan secara dasarnya telah bersetuju untuk memaparkan formula pengiraan harga minyak dan ianya akan dilaksanakan setelah kajian berhubung penetapan harga minyak secara mingguan serta penetapan harga siling selesai dijalankan bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan lain-lain pihak berkepentingan.

SOALAN (40)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 20 MAC 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR]**

SOALAN :

YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) purata pendapatan isi rumah B40 dan M40 telah dalam tempoh lima tahun yang lalu; dan
- (b) jumlah cukai yang dipungut daripada perusahaan kecil dan sederhana dalam tempoh 5 tahun lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat perangkaan pendapatan bulanan isi rumah diperoleh melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS). Ia dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak dua kali bagi setiap 5 tahun. Berdasarkan kepada HIS terkini, tahun 2014, pendapatan bulanan purata bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) dan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan (M40) masing-masing telah meningkat sebanyak 12.0% dan 9.3% setahun bagi tempoh tahun 2009 sehingga 2014. Perincian maklumat pendapatan bulanan purata bagi kedua-dua kumpulan isi rumah tersebut adalah seperti berikut:

Pendapatan Bulanan Purata Isi Rumah B40 dan M40, Malaysia, 2009, 2012 dan 2014 (RM)

	2009	2012	2014
M40	3,631	4,573	5,662
B40	1,440	1,847	2,537

Sumber: HIS 2014

Sekian. Terima kasih.

20 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 20 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN : 41

YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci bagaimana perkembangan ekonomi digital mampu dimaksimumkan faedah oleh kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan pertengahan 40 peratus (M40) yang telah dibentangkan pada Bajet 2017.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui agensi di bawahnya iaitu Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah melaksanakan pelbagai inisiatif khususnya dalam membangunkan ekosistem ekonomi digital negara yang mampan. Usaha ini termasuk dalam memacu pelaburan, memperkasa syarikat tempatan, memangkin pembangunan ekosistem inovatif dan merakyatkan ekonomi digital kepada golongan berpendapatan rendah, penduduk luar bandar, golongan belia dan usahawan kecil yang termasuk di bawah kumpulan B40 dan M40.

Di bawah agenda merakyatkan ekonomi digital ini, MDEC telah melaksanakan program eRezeki dan eUsahawan yang bertujuan untuk membantu rakyat menjana pendapatan tambahan secara digital.

Sehingga Disember 2016, sejumlah 51,203 usahawan muda dan desa telah mengikuti kursus eUsahawan dan telah berjaya menjana pendapatan tambahan keseluruhan sejumlah RM48 juta. Sejak Januari sehingga Disember 2016, sebanyak 50,618 individu telah dilatih di melalui Pusat dan Wakil eRezeki di seluruh negara. Pendapatan keseluruhan yang telah dijana melalui individu-individu ini adalah sebanyak RM17.7 juta.

Selain berkerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat di bawah kempen Komunikasi YouCanDuit, MDEC juga telah turut melaksanakan aktiviti-aktiviti komunikasi seperti hebahan melalui radio dan TV, website, media sosial dan karnival YouCanDuit bagi mempromosi program eRezeki dan eUsahawan kepada golongan sasaran dan seterusnya untuk menarik serta mewujudkan kesedaran golongan sasaran terhadap kedua-dua program ini.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HJ. NASARAH [LENGGONG]
TARIKH : 20 MAC 2017 [ISNIN]
SOALAN : 42

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah hasil penglibatan penyelidik tempatan di benua Antartika dan sejauh mana ia menyumbang kepada kemajuan penyelidikan negara

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan Malaysia dalam penyelidikan saintifik di Antartika telah bermula pada Oktober 1999. Ekoran itu, penyelidikan Malaysia di Antartika telah berkembang dan berjaya menghasilkan beberapa pencapaian. Antaranya, sebanyak 204 buah penerbitan saintifik telah diterbitkan dalam jurnal-jurnal saintifik antarabangsa, di mana 45 buah daripadanya diterbitkan dalam jurnal berindeks *Web of Science (Thomson Reuters)* yang telah disitasi sebanyak 64 kali oleh saintis lain. Dari aspek pembangunan modal insan pula, seramai 176 pelajar peringkat siswazah dan pascasiswazah dari universiti tempatan dan luar negara dalam bidang berkaitan Antartika telah berjaya dihasilkan.

Melalui penyelidikan di Antartika juga telah menghasilkan kerjasama saintifik dengan negara-negara seperti New Zealand, United Kingdom, Australia, Korea Selatan, Afrika Selatan dan Chile. Malaysia turut menjadi ahli penuh *Scientific Committee on Antarctic Research* (SCAR) pada tahun 2008, sebuah badan antarabangsa yang mengurus selia program penyelidikan di Antartika. Berdasarkan kepada komitmen berterusan negara dalam aktiviti penyelidikan di Antartika, wakil Malaysia telah dilantik sebagai Naib Presiden SCAR untuk tempoh 2014-2018.

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan Malaysia dalam penyelidikan Antartika semakin diiktiraf setelah Malaysia dipilih sebagai tuan rumah Mesyuarat Kali Ke-34 dan Persidangan Sains Terbuka SCAR pada tahun 2016 yang telah dihadiri oleh 1,000 orang peserta dari 43 buah negara. Manakala di peringkat rantau Asia pula, Malaysia juga telah diterima untuk menganggotai *Asian Forum on Polar Sciences* (AFoPS). Forum ini membolehkan penyelidik sains kutub dari Malaysia untuk menjalin kerjasama, bertukar pendapat dan berkongsi ilmu dengan penyelidik dari negara empat (4) buah negara Asia iaitu China, India, Jepun dan Korea Selatan yang terlibat dalam penyelidikan di Antartika.

Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) adalah agensi MOSTI yang bertanggungjawab mempromosi dan membantu penyelidik tempatan terlibat dalam penyelidikan berkaitan Antartika. Setakat ini, YPASM telah berjaya menarik minat seramai 26 penyelidik-penyelidik muda tempatan untuk sama-sama terlibat dalam penyelidikan di Antartika. Selain itu, dari tahun 2013-2016 seramai 10 saintis Malaysia telah menerima YPSAM *Polar Research Grant*, 10 menerima YPSAM *Fellowship Scheme* dan lapan (8) lagi menerima YPSAM *Berth Support*.

Bidang-bidang penyelidikan di Antartika yang dikaji oleh penyelidik tersebut merangkumi sains atmosfera, mikrobiologi, ekologi, geologi, polisi, dan kejuruteraan khususnya yang berkaitan dengan perubahan iklim. Koleksi kultur mikrob, bakteria dan fungi dari Antartika turut digunakan oleh penyelidik-penyelidik tempatan dalam penyelidikan untuk menentukan potensi bioteknologi hidupan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pencapaian program Penyelidikan Antartika Malaysia sehingga kini telah meletakkan nama Malaysia setanding dengan negara-negara lain dari sudut sumbangan terhadap sains dan teknologi. Kerajaan Malaysia komited untuk menyokong program penyelidikan di Antartika bagi kepentingan saintifik dan strategik untuk Malaysia mengekalkan kehadiran di benua yang kelima terbesar di dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

TARIKH : 20 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN : 43

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan terlebih dahulu mutu perkhidmatan keretapi Kuala Lumpur – Tumpat sebelum laluan baru Pantai Timur mula dibina dan siap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan KTMB bagi semua sektor termasuk sektor Gemas ke Tumpat untuk memastikan rakyat memperoleh perkhidmatan yang selamat dan cekap. Justeru, Kementerian Pengangkutan sedang melaksanakan Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Landasan dan Jambatan Keretapi di Pantai Timur (Gemas ke Tumpat). Kos projek ini dianggarkan sebanyak RM868.5 juta dan dijangka siap pada tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI
@ AHMAD**

TARIKH : 20 MAC 2017

RUJUKAN : 9647

SOALAN :

Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah Pendatang Tanpa Izin (PTI) dihantar pulang dari negara ini ke negara asal masing-masing sepanjang tahun lalu, terutama di Sabah yang membabitkan PTI dari negara jiran Indonesia dan Filipina.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2016, seramai 73,553 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 12,530 orang PATI warganegara Filipina dan 2,999 orang PATI warganegara Indonesia telah dihantar pulang melalui Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 20 MAC 2017 [ISNIN]

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [Raub] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) Berapakah jumlah dan peratus saham FGV yang dipegang oleh Koperasi Permodalan FELDA Berhad (KPF); dan
- (b) Bagaimanakah KPF memperolehi saham FGV sekarang, sama ada dibeli atau percuma.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Koperasi Permodalan FELDA Berhad (KPF) memiliki sebanyak 200.6 juta unit saham FGV bersamaan 5.5% daripada keseluruhan saham diterbitkan.

Keseluruhan milikan saham FGV oleh KPF adalah menggunakan dana dalamannya dan bukannya diperolehi secara percuma.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN
NARRASHID**

TARIKH : 20 MAC 2017

RUJUKAN : 9648

SOALAN:

Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah mekanisme yang akan digunakan oleh Kementerian dalam mengawal pemegang Kad UNHCR daripada etnik Rohingya jika dibenarkan bekerja di sektor terpilih di dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Mac 2016 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja melibatkan Kementerian dan Agensi yang berkenaan bagi memperincikan dasar dan prosedur pelaksanaan Projek Perintis Kebenaran Bekerja Untuk Pemegang Kad UNHCR Etnik Rohingya termasuk aspek perundangan dan teknikal yang berkaitan.

Projek Perintis ini memfokuskan kepada golongan Etnik Rohingya adalah kerana mekanisme ini merupakan jalan terbaik memandangkan golongan ini tidak diterima untuk pulang ke negara asal serta mempunyai peluang sangat minimum untuk ditempatkan ke negara ketiga.

Projek Perintis ini turut dilihat memberi ruang kepada golongan tersebut untuk menyara kehidupan melalui pekerjaan yang sah dan sekali gus dapat mengekang mereka daripada terlibat dengan aktiviti jenayah dan sosial. Selain itu, Projek Perintis ini juga akan lebih memudahkan pihak Kerajaan memantau keberadaan mereka dalam Negara, meningkatkan kemahiran teknikal mereka serta memberi laluan kepada bentuk kerjasama antara Kerajaan dan UNHCR untuk lebih mempercepatkan proses penempatan ke negara ketiga.

Peserta Projek Perintis ini adalah tertakluk kepada perundangan dan syarat-syarat penggajian pekerja asing sedia ada termasuk obligasi majikan di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Dalam hubungan ini, sepertimana obligasi majikan terhadap pekerja asing yang sah di dalam Negara, dasar yang sama juga turut digunapakai bagi menjamin hal ehwal peserta Projek Perintis ini.

Kerajaan pada masa ini sedang melaksanakan gerak kerja Projek Perintis tersebut yang mensasarkan 300 orang kumpulan kecil etnik Rohingya yang bekerja di bawah sektor perladangan dan perkilangan sahaja.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**
TARIKH : **20 MAC 2017 [ISNIN]**
SOALAN : **47**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah perbelanjaan tahunan 'research and development' (R&D) negara secara keseluruhan dan khusus untuk material lestari serta dalam bentuk peratusan daripada KDNK dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan keseluruhan antara 2000-2015 di samping perbandingan dengan negara- negara maju.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah perbelanjaan tahunan Negara dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada tahun 2000 adalah sebanyak RM1,671.5juta, meningkat kepada RM13,971.6juta pada tahun 2014. Ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 736%.

Data R&D yang dikumpul adalah merangkumi pelbagai bidang utama sains di mana pengkelasan data R&D khususnya bagi perbelanjaan R&D melibatkan sembilan (9) bidang utama iaitu *Agriculture and Forestry*,

Biotechnology, Engineering and Technology, ICT, Medical and Health Sciences, Natural Sciences, Economics, Business and Management, Humanities dan Social Sciences. Bahan (material) lestari merupakan salah satu pecahan kecil bidang *Engineering and Technology*.

Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah membiayai pelbagai projek yang berkaitan material lestari seperti *Development of Slot Bamboo Lumber (SBL)* yang bernilai RM480,000, *Production Of Rayon Staple From Kenaf As A Raw Material For Textile Industry* yang bernilai RM1.5 juta dan *Development of Floating Aquaculture Cage From Nanohybrid Biocomposite Material* yang bernilai RM650,000. Projek-projek ini menggunakan bahan dari sumber yang boleh diperbaharui dan memelihara keseimbangan persekitaran serta ekosistem. Selain itu, ia juga melibatkan penggunaan bahan yang dihasilkan daripada teknologi termaju.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan laporan *International Institute for Management Development World Competitiveness Yearbook (WCY)*, Malaysia kini berada pada kedudukan 31 iaitu pada paras peratusan 1.26% GDP. Negara-negara maju seperti Korea kini berada pada kedudukan pertama (4.29%) dan Jepun pada kedudukan ketiga (3.59% GDP), manakala kedudukan negara ASEAN seperti Singapura pula berada pada kedudukan 15 (2.20% GDP), Thailand berada pada kedudukan 51 (0.48% GDP), Filipina berada pada kedudukan 58 (0.14% GDP) dan Indonesia berada pada kedudukan 59 (0.08%).

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH

TARIKH : 20 MAC 2017

RUJUKAN : 9797

SOALAN:

Tuan Haji Hasbi Bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia dan Brunei dalam usaha untuk melicinkan dan memudahkan mobiliti perjalanan antara Sarawak/Brunei/Sabah supaya ianya perjalanan yang "seamless" dan untuk mengeratkan lagi kerjasama dan hubungan antara Sarawak/Brunei/Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperkenalkan program *Frequent Travellers Facility* (FTF) bertujuan untuk memudahkan perjalanan antara Sarawak, Brunei dan Sabah. Pemegang pasport yang berdaftar dalam perkhidmatan ini hanya perlu melakukan imbasan (*scanning*) ke atas pasport tanpa perlu diturunkan endosmen atau cop di setiap pemeriksaan keluar masuk (*point of entry*) Imigresen. Endosmen khas FTF akan diturunkan sekali sahaja berdasarkan tempoh kelayakan pemegang pasport untuk berada di Malaysia iaitu 3 bulan bagi pemegang pasport warganegara Brunei dan 1 bulan bagi pemegang pasport warganegara Malaysia.

Bagi tujuan menggalakkan masyarakat menggunakan fasiliti FTF, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah memperkenalkan perkhidmatan ini di 11 pejabat imigresen di negeri Sarawak untuk memudahkan pengguna memohon kemudahan tersebut. Promosi perkhidmatan FTF ini juga telah dipanjangkan ke negeri Sabah untuk memudahkan pergerakan keluar masuk ke Sabah. Kerajaan juga bercadang untuk memperkenalkan laluan khas pemegang fasiliti FTF bagi mempercepatkan pemeriksaan imigresen sekaligus memudahkan mobiliti perjalanan daripada Sarawak, Brunei dan Sabah.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali
[Bagan Serai]

TARIKH : 20 Mac 2017

SOALAN : Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali
[Bagan Serai] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:

sejauh manakah perancangan “Crop Insurance” pesawah untuk mengurangkan beban kesusahan mereka apabila tanaman musnah dan rosak disebabkan kemarau, penyakit atau banjir hasil daripada fenomena “Climate Change” yang melanda dunia sekarang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Agrobank telah menyediakan satu model dan mekanisme pelaksanaan Skim Insuran Pertanian bagi melindungi petani, penternak dan nelayan daripada kerugian akibat bencana alam dan wabak penyakit selain mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Model yang sedang dibangunkan ini adalah berdasarkan kepada model insuran komersial.

Sektor penanaman padi akan dijadikan sebagai projek rintis bagi pelaksanaan Skim ini dengan fasa pertama akan dilaksanakan di Lembaga Pertanian Kawasan Kemubu (KADA) dan Lembaga Pertanian Kawasan Muda (MADA). Bermula April 2017, Kementerian akan memulakan sesi 'engagement' untuk memberikan penerangan dan melihat penerimaan para pesawah di kawasan MADA dan KADA.

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH : 20 MAC 2017

RUJUKAN : 9649

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pekerja asing mengikut warganegara di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sehingga 31 Januari 2017, terdapat sejumlah 1,875,180 orang pekerja asing yang bekerja secara sah di Malaysia. Pecahan pekerja asing tersebut mengikut warganegara adalah seperti berikut:

i)	Indonesia	-	760,733 orang
ii)	Nepal	-	410,950 orang
iii)	Bangladesh	-	251,309 orang
iv)	Myanmar	-	139,821 orang
v)	India	-	119,628 orang
vi)	Pakistan	-	63,632 orang
vii)	Filipina	-	58,399 orang
viii)	Vietnam	-	31,694 orang
ix)	China	-	14,104 orang
x)	Thailand	-	12,765 orang
xi)	Sri Lanka	-	6,265 orang
xii)	Kemboja	-	5,839 orang
xiii)	Laos	-	41 orang

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 20.3.2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 51

YB Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membantu usahawan-usahawan IKS memasarkan barangan dan produk halal ke pasaran global.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi di bawah Kementerian bagi membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berpotensi memasarkan barangan dan produk halal ke pasaran global. Ini termasuklah penyediaan geran dan pinjaman mudah, latihan dan bimbingan, program promosi pasaran serta pembangunan pengeksport.

2. Melalui SME Corp. Malaysia, Kerajaan menyediakan bantuan geran dan pinjaman mudah di bawah Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB). Program ini yang dilaksanakan di bawah RMKe-11 bertujuan membantu meningkatkan keupayaan eksport PKS Bumiputera serta menambah bilangan PKS Bumiputera yang mampu menembusi pasaran luar negara.

3. Sejak dilancarkan pada April 2016, sejumlah RM30 juta dana telah diperuntukkan di bawah skim ini. Sehingga kini, sebanyak 19 projek telah diluluskan kepada tujuh (7) buah syarikat dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah RM5.3 juta. Projek-projek yang diluluskan merangkumi aktiviti promosi dan pemasaran luar negara, penambahbaikan pembungkusan, pembangunan jenama, persijilan dan pematuhan piawaian antarabangsa, pembelian mesin dan modal kerja.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dengan kerjasama Halal Industry Development Corporation (HDC) turut merangka pelbagai program khusus untuk membimbing usahawan PKS mengembangkan pasaran dan mempromosi produk halal Malaysia ke pasaran global.

5. Antara program-program promosi pasaran produk halal yang telah dirangka oleh MATRADE yang dapat dimanfaatkan oleh PKS adalah pameran perdagangan luar negara, misi pemasaran khusus dan *International Sourcing Programme* (INSP), dan penganjuran *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) pada 5 – 8 April 2017 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur.

6. Penganjuran MIHAS 2017 adalah bertujuan mempromosikan Malaysia sebagai pusat penyumberan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan halal di peringkat antarabangsa. Program Penyumberan Antarabangsa ini menyediakan platform bagi mempertemukan syarikat-syarikat IKS pengeluar produk dan perkhidmatan halal Malaysia dengan pembeli dari luar negara dengan cara yang lebih kos efektif.

7. Selain itu, MATRADE juga turut melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi untuk membantu PKS seperti:

- (i) program *Going Export (Go-Ex)*;
Program ini bertujuan menangani masalah yang dihadapi oleh IKS bagi menembusi pasaran baharu di luar negara berikutan kos pendahuluan yang tinggi serta kurang pengetahuan mengenai persaingan dan pasaran baharu. Penganjuran program ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan dalam memperkasakan PKS di persada antarabangsa;
- (ii) program eTrade untuk menggalakkan PKS mengeksport secara atas talian; dan
- (iii) program Pembangunan Pengeksport untuk usahawan PKS Bumiputera, Wanita dan Belia (BWYEDP).

Tuan Yang di-Pertua,

8. Selain daripada MATRADE, HDC juga turut melaksanakan pelbagai program untuk membantu usahawan-usahawan IKS memasarkan barangan dan produk mereka ke pasaran global dan ini termasuklah:

- (i) membantu usahawan-usahawan IKS menjalankan aktiviti promosi dan penjenamaan halal di bandar terpilih melalui ekspo-ekspo antarabangsa seperti CAEXPO di Nanning;

- (i) menggalakkan para usahawan menyertai platform *e-commerce* seperti Alibaba.com dan eHalal.com;
- (ii) membantu para usahawan melaksanakan usahasama dengan pasaraya-pasaraya sedia ada seperti 7-Eleven; dan
- (iii) menggalakkan kerjasama dengan pengedar barangan antarabangsa seperti usaha sama dengan Grace Cup (pengedar produk makanan Malaysia di Hong Kong dan Macau).

9. Disamping itu, program pembinaan keupayaan (*capacity building*) turut diadakan bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia terutamanya IKS meningkatkan pengetahuan serta untuk menjadi lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa. Antara program-program yang diadakan termasuk wokshop dan seminar berkenaan industri halal seperti standard halal dan maklumat terkini pasaran halal antarabangsa. Kerajaan amat komited dan akan terus membantu usahawan IKS memasarkan barangan dan produk halal ke pasaran global.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 20 MAC 2017

SOALAN

**TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan
maklumat terkini projek pembangunan 380 MW loji jana kuasa gas di
Sandakan secara terperinci. Bila projek ini akan dimulakan, berapa
peruntukan akan diguna pakai dan nyatakan kontraktor yang dapat
tawaran tender?**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah meluluskan pembangunan sebuah loji jana kuasa gas di Sandakan dengan kapasiti 300MW. Tarikh mula operasi loji tersebut sedang diperhalusi oleh pihak Kementerian dengan mengambil kira ketersediaan infrastruktur penyaluran bekalan gas ke Sandakan.
2. Projek ini akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat swasta dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah. Oleh itu, ia tidak melibatkan sebarang peruntukan Kerajaan. Komposisi syarikat yang akan melaksanakan projek ini sedang diperhalusi oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO. : 053

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 20 MAC 2017 (ISNIN)

NO. RUJ :

SOALAN:

**Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan pihak atau agensi manakah yang
harus di pertanggungjawabkan didalam kes kematian 3 kanak-kanak
akibat mati lemas di kolam bekas lombong bauksit terbiar di Kuantan baru-
baru ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian 3 orang pelajar SK Sungai Karang mati lemas telah berlaku di atas tanah hakmilik persendirian berdasarkan rekod Pejabat Tanah Kuantan. Berdasarkan semakan, Pejabat Tanah Kuantan tidak pernah mengeluarkan sebarang kelulusan untuk mengeluarkan tanah daripada tapak tersebut. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Pahang, juga tidak ada sebarang kelulusan Pajakan Melombong (Mining Lease/ML) atau Lesen Melombong Tuan Punya (PML) bagi tujuan melombong mineral bauksit dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Oleh yang demikian, jelaslah tapak tersebut bukanlah bekas lombong bauksit terbiar seperti yang dilapor dalam media massa. Justeru itu, berdasarkan kepada peruntukan undang-undang semasa, pemilik tanah sepatutnya bertanggungjawab untuk memastikan tapak tersebut selamat dengan menimbus kawasan yang telah dikorek. Pihak Kementerian difahamkan bahawa pihak pentadbiran negeri sedang mengambil tindakan ke atas pemilik tanah.

Namun demikian, penduduk kampung telah mengambil inisiatif untuk mengeringkan kawasan tersebut bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berulang.

Sekian , terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]
TARIKH : ISNIN, 20 MAC 2017
RUJUKAN : L6 [PR-1351-L00888]
SOALAN :

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah kutipan yang diperoleh daripada penggunaan petak letak kereta khas pada tahun 2016 dan senarai tempat yang mempunyai petak khas di Kuala Lumpur; dan
- (b) nyatakan butiran kontrak dengan syarikat yang dipilih, Citypark bagi maksud penguatkuasaan

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai:

- (a) sepanjang tahun 2016, kutipan yang diterima oleh DBKL bagi Petak Khas adalah berjumlah RM 4.2juta melibatkan 2,276 Petak Khas yang diluluskan di seluruh Kuala Lumpur. Kawasan yang telah diluluskan untuk Petak Khas ini kebiasaannya adalah di kawasan-kawasan perniagaan dan pejabat.
- (b) Bagi aspek penguatkuasaan, seramai 100 anggota Penguatkuasa DBKL telah ditugaskan untuk memantau dan menguatkuasakan peraturan tempat letak kereta bermeter bahu jalan di seluruh Kuala Lumpur. Tugas yang dijalankan adalah mengikut jadual kawasan serta waktu rondaan yang disediakan.

Sistem Gtechna telah digunakan sebagai inisiatif penambahbaikan kepada sistem pemantauan operasi penguatkuasaan tempat letak kereta. Sistem ini berperanan untuk mengimbis kepatuhan pengguna berkenderaan membayar parkir, jumlah kenderaan yang menggunakan kemudahan parkir serta mengenalpasti kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak dengan DBKL. Melalui sistem ini, langkah-langkah penguatkuasaan yang lebih tersusun, terancang dan teratur dapat dilaksanakan terutamanya di kawasan pusat bandar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2017

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini kes arbitrase di antara 1MDB dan IPIC berhubung pertikaian bayaran sebanyak USD3.5 bilion yang dibayar 1MDB kepada syarikat Aabar BVI yang tidak diakui IPIC sebagai anak syarikat mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kes timbang-tara atau *arbitration* (dengan izin) di antara pihak IPIC dan 1MDB masih lagi berlangsung di London Court of International Arbitration (LCIA). Kedua-dua pihak perlu menghormati garis panduan kerahsiaan dan publisiti atau *confidentiality and publicity guidelines*

(dengan izin) pihak LCIA dan oleh itu, status kedudukan terkini kes tersebut tidak dapat diperincikan.

NO. SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH : 20 MAC 2017

RUJUKAN : 9650

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dengan merujuk kepada S.Bala Murugan yang meninggal ketika dalam tahanan IPD Klang pada 8 Februari 2017 dan meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil berkenaan kes-kes tersebut dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelak daripada perkara ini terus berlaku di dalam lokap polis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan pihak polis atau pihak penguatkuasa yang lain dan tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang didapati menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian akan disiasat secara terperinci dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada daripada sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Berkaitan kes kematian Balamurugan A/L M. Suppiah di Balai Polis Klang pada 7 Februari 2016, Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut kerana dikhuatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak polis dan pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) bagi menentukan punca kematian.

Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, pihak PDRM telah menyemak semula *Standard Operating Procedure (SOP)* yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu di antaranya:-

- a) Memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
- b) Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;**
- c) Lawatan oleh pihak SUHAKAM diadakan untuk menentukan tahanan dibuat mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;**
- d) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "habitual", tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;**
- e) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan;**
- f) Menjadikan naziran terhadap lokap polis sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian Dalam Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini sejumlah 8 lokap polis telah dilawati oleh Pasukan Naziran.**

Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak serta dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI

TARIKH : 20 MAC 2016

RUJUKAN : 9651

SOALAN:

Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia, negara asal mereka dan menjelaskan rancangan mengurus mereka dalam keadaan di mana membenarkan mereka kekal di Malaysia dan menghantar mereka pulang ke negara asal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah ditangkap melalui operasi oleh JIM bagi tahun 2016 adalah seramai 49,496 orang. Pecahan mengikut warganegara adalah Indonesia seramai 15,923 orang, warganegara Bangladesh seramai 9,799 orang dan lain-lain warganegara seramai 23,774 orang.

Kerajaan telah melaksanakan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program *Rehiring*) bermula pada 15 Februari 2016 bagi memberi peluang kepada pihak majikan untuk mendaftar dan menggaji PATI secara sah. Sehingga 20 Januari 2017, seramai 265,208 PATI telah berdaftar meliputi warganegara Bangladesh seramai 187,766 orang, warganegara Indonesia seramai 20,150 orang, warganegara Nepal seramai 11,876 orang dan 45,416 orang PATI adalah lain-lain warganegara. Seramai 61,412 orang majikan telah menyertai program tersebut.

Untuk makluman Yang Dipertua dan Yang Berhormat, Kerajaan juga melaksanakan Program PATI Serah Diri dan Pulang Secara Sukarela (Program 3 + 1) sejak tahun 2014 bagi menggalakkan PATI pulang ke negara asal secara sukarela. Bagi tahun 2016 seramai 180,228 orang PATI telah pulang ke negara asal melalui Program Serah Diri dan Pulang Secara Sukarela (Program 3 +1).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF

TARIKH : 20.3.2017

SOALAN : NO. 59

DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah polisi pengambilan pelajar-pelajar baru ke universiti awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar baharu ke Universiti Awam adalah mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Selain itu, pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian dan kriteria kemasukan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh pihak universiti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN : 60

TARIKH : 20 MAC 2016

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Malaysia Borneo perlu mengenal pasti cuma satu sahaja pelabuhan utama antarabangsa dan yang lain-lain adalah "feeder port" kepada pelabuhan utama untuk membolehkan adanya "economy of scale" agar ia berupaya mencapai taraf pelabuhan serantau dan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar dalam Rolling Plan pertama di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang diterajui oleh pihak Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA). Pembesaran Pelabuhan Sepangar dijangka akan meningkatkan kapasiti pengendalian kontena dan kargo serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada kapal-kapal yang berlabuh di Pelabuhan Sepangar.

Berdasarkan perancangan pihak SEDIA, Pelabuhan Sepangar akan dijadikan sebagai sebuah hub logistik di mana pelabuhan-pelabuhan berhampiran yang lain akan menjadi *feeder* kepada Pelabuhan Sepangar. Strategi ini akan menumpukan kendalian kargo daripada pelabuhan-pelabuhan berdekatan ke Pelabuhan Sepangar bagi menjana *critical mass cargo* yang diperlukan untuk menarik minat syarikat perkapalan antarabangsa membuat panggilan ke Pelabuhan Sepangar.

Kerajaan berpandangan bahawa penaiktarafan Pelabuhan Sepangar ini bakal menjadikan Pelabuhan Sepangar sebagai *entry point* perdagangan bagi aktiviti import dan eksport di bawah inisiatif Brunei-Indonesia-Malaysia-Phillipines – East Asia Growth Area (BIMP-EAGA).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2017

Y.B. DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) apakah pilihan terbaik Kerajaan dalam menangani isu harga minyak yang semakin meningkat; dan

(b) di negara maju, pelaksanaan harga minyak terapung dan penggiat industri minyak dan gas akan menentukannya, adakah masih lagi praktikal dan rasional Kerajaan melaksanakan sistem apungan sekarang di negara kita sendiri.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit petrol RON95 dan diesel berdasarkan harga pasaran dunia menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) mulai 1 Disember 2014. Langkah ini selaras dengan kaedah yang sama digunakan bagi penetapan harga runcit RON97 yang dilaksanakan terlebih dahulu sejak Julai 2010. Kaedah tersebut telah terbukti berjaya menstabilkan harga pasaran runcit produk petroleum dalam negara.

2) Kaedah apungan terkawal mewujudkan pergerakan harga runcit produk petroleum yang lebih stabil sama ada semasa harga meningkat naik atau menurun dan memastikan keseragaman harga di seluruh negara berbanding dengan apungan bebas. Justeru, buat masa ini Kerajaan akan terus menggunakan kaedah apungan terkawal dalam menetapkan harga runcit produk petroleum di negara ini.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]
TARIKH : 20.3.2017 (ISNIN)
SOALAN : 62

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan pihak Kementerian untuk menaik taraf jalan balak di Sarawak sejak 2013. Nyatakan jarak dan jumlah peruntukan yang dibelanjakan di kawasan Baram.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Program Jalan Luar Bandar (JALB) telah diluluskan peruntukan keseluruhan berjumlah RM385 juta bagi melaksanakan Projek Menaiktaraf Bekas Jalan – Jalan Balak di Negeri Sarawak dengan panjang keseluruhan 712.9km sejak dari 2013 hingga kini yang melibatkan 4 fasa seperti berikut:

BIL	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	KM	STATUS
1.	Fasa 1	64.0 juta	142.0	Siap 2014
2.	Fasa 2	70.0 juta	87.1	Siap berperingkat pada 2015 & 2016
3.	Fasa 3	52.0 juta	108.8	Dalam pembinaan
4.	Fasa 4	199.0 juta	375.0	Rekabentuk
JUMLAH		385.0 juta	712.9	

Manakala bagi Parlimen Baram pula, sejumlah RM160.2 juta telah diperuntukkan bagi menaiktaraf jalan sepanjang 351.4km di bawah Fasa 1 hingga 4.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 20 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN : 63

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan pihak Kementerian menerusi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dalam meningkatkan mutu perkhidmatan keretapi sedia ada memandangkan masalah seperti keretapi lewat tiba dan tidak menepati waktu seperti yang terdapat di dalam jadual yang kerap kali berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah yang telah dilakukan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dalam meningkatkan mutu perkhidmatan keretapi sedia ada terutamanya bagi mengatasi masalah kelewatan keretapi dan keretapi tidak menepati waktu seperti yang terdapat di dalam jadual adalah dengan meningkatkan jumlah kapasiti, ketepatan masa (*punctuality*), kebolehpercayaan (*reliability*) dan kekerapan Perkhidmatan Komuter, ETS dan Antarabandar melalui penggunaan stokereta baharu seperti berikut:

- i) Perolehan 38 set Electric Multiple Unit 6-Car (SCS) berjumlah RM1.9 bilion dan digunakan untuk operasi komersil Perkhidmatan Komuter mulai tahun 2012;
- ii) Perolehan 10 set tren elektrik enam koc baharu berjumlah RM506 juta dan digunakan untuk operasi komersil Perkhidmatan ETS mulai Julai 2015; dan
- iii) Perolehan 13 Diesel Multiple Unit (DMU) 4-koc dengan kos berjumlah RM380 juta dan akan digunakan untuk operasi komersil Perkhidmatan Antarabandar jangkaan pada tahun 2020.

KTMB juga pada masa ini sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berikut bagi meningkatkan mutu perkhidmatan keretapi sedia ada:

a) Perkhidmatan Pelanggan

- i) Memperkasakan perkhidmatan pelanggan terutama bagi kakitangan di barisan hadapan (*frontliner*) dengan melaksanakan program latihan berterusan yang dikenali sebagai "Budaya Menyantuni Tetamu, BMT".

b) First and Last Mile Connectivity

- i) Bekerjasama dengan pengusaha bas seperti Rapid, GO KL, Selangor Omnibus, teksi dan GrabCar bagi menyediakan kemudahan *first and last mile connectivity* dari dan ke stesen-stesen KTMB; dan
- ii) Bekerjasama dengan Genting Resort World bagi menyediakan perkhidmatan bas pengantara dari dan ke Genting Highland melalui Stesen Batang Kali.

Selain itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia juga sedang melaksanakan projek baikpulih dan naiktaraf infrastruktur keretapi bagi penambahbaikan perkhidmatan KTMB seperti berikut:

- i) Membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur landasan dan jambatan keretapi di Pantai Timur (Gemasp – Tumpat) dengan jumlah peruntukan

sebanyak RM869 juta. Projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun 2019;

- ii) Menaiktaraf infrastuktur keretapi di sektor Lembah Klang bagi Fasa 1 antara Rawang – Salak Selatan (42km) dengan jumlah peruntukan RM1.5 bilion. Projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada akhir tahun 2019.
- iii) Membaikpulih dan menaiktaraf landasan keretapi antara Kempas Baru ke Pasir Gudang (35km) dengan kos berjumlah RM81 juta.

Kesimpulannya, Kementerian Pengangkutan dan KTMB akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan KTMB bagi memastikan rakyat dapat menikmati perkhidmatan yang selamat dan efisien.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN CHONG CHIENG JEN**
[BANDAR KUCHING]
- TARIKH** : **20 MAC 2017**
- SOALAN** : **Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap tuntutan negara China berdasarkan "Nine Dash Line" di Laut Cina Selatan yang melingkungi sebahagian besar perairan wilayah Sarawak dan apakah tindakan Kerajaan untuk mempertahankan kedaulatan perairan wilayah negara kita terhadap ancaman kuasa luar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bandar Kuching di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.

Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.

Tuan Yang di-Pertua,

3. **Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, *non-militarisation, self-restraint* serta mengelakkan penggunaan kekerasan adalah amat kritikal.**

4. Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah **diselesaikan secara aman**. Semua

tuntutan dan penyelesaiannya melalui rundingan dan sebagainya mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau *UNCLOS 1982*. Penyelesaian pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbangtara merupakan opsiyen yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa.

5. **Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982*.**

6. **Malaysia juga berpendirian bahawa tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan.**

7. **Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau dengan izin *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.**

Tuan Yang di-Pertua,

8. **Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.**

9. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

10. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

11. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

13. Rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

14. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 20.3.2017

SOALAN :

YB Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- a) sebab Kerajaan gagal menunaikan janji memberikan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM50 juta kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil SRJK(T) pada tahun 2016; dan
- b) bilakah Kerajaan dapat menurunkan semua peruntukan penyelenggaraan kepada SRJK (T) dan semua jenis aliran sekolah pada tahun 2016 dan juga tahun 2017 yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2016, telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk penyelenggaraan dan

penambahbaikan sekolah-sekolah Kerajaan termasuk sekolah-sekolah bantuan modal. Agihan kepada sekolah-sekolah tersebut telah dibuat secara berperingkat berdasarkan keperluan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

- (b) Kementerian akan meneruskan proses pengagihan peruntukan penyenggaraan bagi tahun 2017 kepada sekolah-sekolah bantuan modal seperti yang diluluskan oleh agensi pusat.

RJM54(b)